# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 43 RABU 24HB OKTOBER, 1979. رابو 2 ذوالحجة 1399 PERCHUMA


Untok menuju kemajuan yang lebeh tinggi

## BERSEDIA MEMBUAT PERUBAHAN DAN PERSESUAIAN ASPEK KEHIDUPAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Masharakat Brunei ketika ini hidup dalam lingkongan negara2 yang telah dan sedang membangun dengan chita2 untok menchapai kejayaan dan kemajuan yang lebeh tinggi.

Untok menuju ka-arah itu YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussein menegaskan kita mestilah bersedia untok membuat perubahan dan persesuaian dalam beberapa aspek kehidupan bangsa kita.

YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja beruchap demikian sa-jurus sa-belum menutop rasmi Kursus Kerja Sosial dan Pembangunan Masharakat dan Seminar Ka-Arah Perlaksanaan dan Perkhidmatan Yang Lebeh Baik; Kemajuan dan Kemakmoran Negeri Brunei di-Pusat Belia di-sini pada hari Rabu lalu.

YB Pehin Hj Hussein berkata kalau tenaga kita di-arahkan dan di-salorkan dengan sabaik2-nya ada-lah di-harapkan kita akan menchapai matalamat serta dapat memikul tanggongjawab terhadap kewajipan dan

Lihat muka 16



SALAH sa-orang peserta kursus, Pg Haji Mohammad bin Pg Haji Chuchu menerima sijil yang di-sampaikan oleh Dr Puan A. C. Almanzor.

### Manis-nya Iman

"KEBAIKAN itu ia-lah kelokan budi perkerti, sementara dosa pula ia-lah apa yang menggaru2 di-dalam diri mu dan engkau tidak suka orang lain memisi2-nya" — HADITH Nabi riwayat Al Imam Muslim daripada Nawwas bin Sim'an.

## Persiapan sambut 1400 Hijrah sedang giat di-ator

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa persiapan untok menyambut kedatangan Hijrah 1400 tahun ketika ini sedang giat di-laksanakan oleh beberapa buah jabatan Kerajaan termasok beberapa ranchangan menarek oleh Radio Talivishen Brunei dan pameran oleh Jabatan Muzium Brunei.

Dalam satu tinjauan ka-arah persiapan itu, pegawai2 dan kakitangan Jabatan Muzium Brunei begitu ranchak melakukan kerja2 bagi menyiapkan bahan yang akan di-pamerkan dalam Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-Brunei yang akan di-adakan di-Dewan Bandaran di-sini.

Pameran tersebut yang akan di-mulakan pada 21hb Nobember ini antara-nya akan mengandongi lima buah tajok ia-itu: Sejarah Kedatangan Islam ka-Brunei, Kesan dan Kebudayaan Berchorak Islam di-Brunei, Islam Dalam Pentadbiran Negara, Al-Kor'an dan Kitab2 Ugama dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei sa-bagai Pusat Pentadbiran Ugama Islam.

Dalam Sejarah Kedatangan Islam, pameran itu akan mengandongi bahan2 yang merupakan kesan atau bokti datangnya Islam saperti batu2 nisan bersurat (bertulis jawi) serta rekabentok makam atau perkuboran orang2 Islam dalam kurun 11 dan berikut-nya.

Pameran itu juga akan memperlihatkan kesan kebudayaan berchorak Islam yang di-lakukan dalam kehidupan harian orang2 Brunei teristemewa dari bokti2 penggunaan tulisan jawi pada tempat2 tertentu.

Dalam pada itu bahan2 pameran yang berupa kitab2 Al-Kor'an dan lain2 kitab ugama yang di-tulis tangan akan juga dapat di-saksikan di-samping gambar2 yang menunjokkan perkembangan Islam sa-hingga pada masa ini serta gambar2 tokoh2 ugama tempatan.

Radio dan Talivishen Brunei juga kini sedang sebok menyusun beberapa ranchangan menarek yang akan di-siarkan sa-lama sa-bulan yang kesemuanya berunsor keugamaan.

Talivishen Brunei bermula menjelang-nya kedatangan Hijrah itu nanti pada 21hb Nobember sa-hingga berakhir sambutan sa-lama sa-bulan akan menyiarkan ranchangan drama ia-itu sa-banyak empat buah drama yang telah memenangi peraduan menulis skerip drama baru2 ini oleh RTB.

Antara drama2 itu ia-lah ANAK BERTUAH yang di-hasilkan oleh Ak Aji bin Pg Md Tahir, drama KESEDARAN oleh Awg Hj Abdul Rahman Yusof dan BERKAT DARUSSALAM karya Awg Samat bin Jamahat.

Lihat muka 16

### Pendaftaran di-buka mulai 1hb Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran untok menunaikan fardhu Haji dengan kapalterbang bagi tahun 1980/1400 Hijrah akan di-buka mulai dari 1hb Nobember, 1979 dan akan di-tutop pada 31hb Januari, 1980.

Orang Islam di-negeri ini yang berhajat untok menunaikan fardhu Haji tahun depan boleh-lah mendapatkan borang pendaftaran dari Bahagian Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama disini atau dari Pejabat2 Ugama di-Daerah Tutong, Temburong dan Belait pada waktu2 pejabat di-buka.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, borang pendaftaran tersebut hendak-lah di-isikan dengan lengkap menurut sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh borang tersebut dan pemohon2 ada-lah di-kehendaki menyertakan tiga keping gambar berukoran paspot berserta dengan borang tersebut.

Kata-nya bilangan pendaftaran akan di-kira menurut tarikh pendaftaran itu di-terima dan tidak ada pendaftaran akan diterima sa-lepas 31hb Januari, 1980.

Bakal2 haji yang telah mendaftar kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama hendak-lah menurut peratoran2 yang di-tentukan dan sa-barang bakal haji yang tidak menurut peratoran yang ditetapkan itu, tidak akan dilayan.

## Kenaikan pangkat pegawai2 K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang Pegawai Pelajaran dan sa-orang Penolong Penguasa Pelajaran Menengah di-Jabatan Pelajaran telah dinaikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran Kanan ia-itu jawatan dalam Bahagian II. Pegawai2 itu ia-lah Pg Mohd Zain bin Pg Haji Lampoh, Dayang Jahrah binte Mohammad, Awg Mohd Adnan bin Buntar, Awg Abdul Ghani bin Bujang dan Awang Abd Jalil bin Abd Rahman. Kenaikan pangkat bagi kelima2 orang pegawai itu bermula 1hb Oktober, 1979.

Dua orang Juru X-Ray, di-Jabatan Perubatan ia-itu Awg Yong Hin Nam dan Awang Ismail bin Abdul Rahman dinaikkan pangkat menjadi Juru X-Ray Kanan di-jabatan yang sama mulai 1hb Oktober, 1979.

Sa-ramai 13 orang Guru Terlateh, Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai Guru Tingkatan Khas (Bahagian Pelajaran Rendah) ia-itu jawatan dalam Bahagian III. Kenaikan pangkat itu bermula pada 1hb September, 1979.

Mereka yang di-naikkan pangkat itu ia-lah Awang Tengah bin Aman, Awang Mohsin bin Ahmad, Awang Mohd Ali bin Sahat, Awang Abd Rahman bin Haji Othman 'B', Awang Abd Rahman bin Haji Othman 'A' Awang Abu Bakar bin Mohammad, Awang Mohd Noor bin Md Taib @ Samion, Awg Abd Latif bin Talip, Pg Muhammad bin Pg Jaafar, Awang Bolhassan bin Abd Rahman, Awang Abd Majid bin Yahya, Pg Md Yassin bin Pg Metassan dan Awg Judin bin Hj Karim.

Lihat muka 16

## Brunei akan sertai perlawanan badminton Melayu Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei di-jangka akan menyertai kejohanan perlawanan Badminton Melayu Malaysia yang akan berlangsong di-Pulau Pinang dari 19hb hingga 23hb Disember depan.

Ini ada-lah antara keputusan yang di-chapai dalam Mashuarat Persatuan Badminton Kebangsaan Negeri Brunei yang di-adakan di-Pusat Belia pada hari Ahad lepas.

Dalam mashuarat itu, pada dasar-nya Brunei menyambut baik undangan Persatuan Badminton Melayu Malaysia untok memasoki beberapa siri perlawanan bagi merebut Piala Dato Hamzah, Piala Dato Samad dan Piala Dato Yusa untok pemain2 berumor 18 tahun ka-bawah dan pemain2 yang berumor 40 tahun ka-atas.

Sa-lain dari itu, Brunei juga sedang mempertimbangkan sama ada akan memasoki perlawanan kejohanan World Badminton Federation yang akan berlangsong di-Manila pada bulan Julai dan Ogos tahun depan.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

24HB OKTOBER, 1979.

بسم الله الرحمن الرحيم

# MENYAMBUT 1,400 TAHUN HIJRAH

SAMBUTAN perayaan 1,400 Hijrah akan bermula sa-chara rasmi pada 20hb Nobember depan dan ia-nya tidak shak lagi akan di-rayakan oleh seluroh umat Islam dari seluroh pelusok tanah ayer. Apa pun bentok dan apa pun thema-nya nanti, ia-nya sudah tentu di-hasratkan untok lebeh mendekatkan diri kita sa-bagai orang2 Islam itu menyedari dengan chara yang hakiki akan latar belakang kita sa-bagai orang Islam itu. Ia-nya tidak saja untok mengenalkan akan tempoh masa ke-ujudan Islam di-dunia dan juga sa-chara tidak lang-song menimbulkan tentang tempoh masa ujud-nya Islam di-negeri kita ini, tetapi yang lebeh besar dari itu ia-itu tentang "kekitaan" kitani atas nama orang Islam itu sendiri. Sa-jauh ini memang sudah banyak sambutan demi sambutan untok mengenangkan "kekitaan" kitani itu, tetapi ia-nya perlu di-kuatkan lagi dari masa ka-masa memandangkan kapada pertumbohan2 yang melingkongi diri kita di-zaman ini. Pun sambutan yang demikian, bukan saja di-sambut oleh negara kita, bahkan juga oleh negara2 lain dengan beraneka-rupa bentok achara-nya.

Dalam melengkapkan "kekitaan" kitani sa-bagai orang Islam itu, tidak di-nafikan yang kita perlu kapada bahan2 untok memperte-gohkan diri kita itu terutama-nya dalam me-nguatkan kekuatan mental kita, menambah-kan pengetahuan 'akal dan fikiran kita, kerana puncha segala perbuatan kita itu ada-lah dari keupayaan 'akal dan fikiran.

Justeru itu, di-sekitar sambutan 1,400 tahun Hijrah ini kita akan berpeluang menyak-sikan pameran2, menatap bahan2 bachaan, mengikuti cheramah2, menyaksikan kegiatan2 yang menunjokkan keupayaan kita dan lain2-nya. Semua-nya itu akan dapat memberikan gambaran2 kapada kita di-samping dapat memberikan ilham pada mengetahui perkem-bangan kita sendiri yang sudah barang tentu amat berguna untok di-jadikan landasan atau menjadi senjata rohani kita dalam menjalani hidup.

Antara achara sambutan itu nanti, ia-nya lebeh banyak akan menghidangkan kapada kita bahan2 berfikir jika kita bersedia untok mengambil iktibar yang demikian itu. Tetapi akan lebeh beruntong diri kita jika mengambil sikap yang begitu kerana sikap yang demikian itu ada-lah menunjokkan yang kita itu ingin kapada pengetahuan dalam mana hanya de-ngan itu akan lebeh mendekatkan kita kapada maksud melengkapkan diri itu.

Kebijaksanaan kita memileh dan mene-tapkan sikap ada-lah perlu bagi kita, kerana itu ada-lah arah kehidupan kita dan semua orang menchintai kapada kebaikan dan sikap yang di-pileh sudah tentu menyimpan hasrat untok perbaikan semata2. Kita yakin bahawa kita tidak akan tersalah pileh kerana kita ada-lah penchinta kebaikan. Dan kita sunggoh ber-bangga kerana sa-jauh ini lebeh ramai orang2 kita yang menampakkan keinginan untok menghalusi pengetahuan2 yang ada, di-sam-ping berusaha pula untok menambahkan-nya.

Selamat menyambut 1,400 tahun Hijrah.

## PADA HEMAT SAYA....

# BULAN DA'AWAH?

"YANG penting ia-lah kita, di-perengkat rasmi dan bukan rasmi; akan melibatkan diri dalam satu musim bergiat (tentu sebok) pada meningkatkan lagi shi'ar Islam di-negeri ini. Dan kita mahu melihat kesan-nya, bukan pada siapa2 tapi pada diri kita sendiri-lah yang utama-nya".

TIDAK sampai sa-bulan dari sekarang, negeri kita akan merayakan tahun Hijrah 1400.

Entah dari mana puncha-nya, ramai orang menye-but perayaan yang akan di-adakan itu sa-bagai bu-lan da'awah. Mungkin ke-rana perayaan itu di-ator-kan di-seluroh negeri sa-lama sa-bulan lalu 'sa-bu-lan' dengan berbagai2 achara berchorak da'awah itu menjadi-lah tempoh atau musim da'awah.

Itu sebutan ramai. Jawa-tankuasa Tertinggi Sambu-tan yang di-pengerusikan bersama oleh Yang Berhor-mat Setia Usaha Kerajaan dan Yang Berhormat Pe-ngetua Pegawai Hal Ehwal Ugama tidak menamakan sa-demikian.

Bagaimana pun, dengan ada-nya ramai orang me-nyebut-nya bulan da'awah maka itu sa-kurang2-nya menunjokkan bahawa orang2 kita telah memberi perhatian baik kapada pe-rayaan itu. Shukor-lah be-gitu. Tambahan pula per-hatian mereka khas me-nekankan pada unsor2 da'-awah.

### DA'AWAH

Apa dia da'awah?

Maana-nya ia-lah seruan atau ajakan. Dalam ugama kita ia di-maksudkan sa-bagai menyeru kapada ber-buat yang baik dan meno-lak yang jahat. Baik dan jahat yang kehendaki di-si-ni ia-lah menurut sukat2 hukum Allah.

Dalam ma'ana ini, apa yang di-sebut sa-bagai da'awah itu bukan-nya lagi perkara yang luar biasa ba-gi kita. Suasana dan keada-an harian kita pada umom-nya sudah lazim dengan se-mangat berkebaikan. *Ya! sudah lazim begitu, sa-ku-rang2-nya dapat di-katakan belum ada siapa2 yang ber-terang2an mengajak, apa lagi untok menyeru kita mengingkari hukum2 Allah. Itu-lah satu aspek keberka-tan negeri kita ini.*

Kerana itu-lah, pada he-mat saya, tidak berbangkit dalam fikiran orang2 yang meranchang Sambutan Ta-hun 1400 Hijrah itu bagi menamakan tempoh sa-bu-lan perayaan-nya sa-bagai bulan da'awah. Apa-lah hendak di-namakan begitu sedangkan kita di-negeri ini sepanjang2-nya telah pun dalam semangat dan suasa-na berda'awah. Tinggal la-gi, mungkin kerana sema-ngat berkebaikan dan me-nolak kemungkaran itu per-lu sa-kali di-kobarkan ma-ka orang yang menamakan-nya bulan da'awah itu ber-maksud begitu. Ma'alom saja-lah, orang2 kita biasa-nya gemar sa-kali akan per-kara2 yang bermusim. Ma-ka tempoh sa-bulan mulai 20hb Nobember akan da-tang pada mereka sesuai di-jadikan musim mengkobar-kan semangat keugamaan itu.

Pada sa-bahagian-nya, hajat demikian itu kena ju-ga dengan tujuan sambutan yang di-rumuskan, ia-itu:—

PERTAMA: Pada me-nyemarakkan lagi shi'ar Is-lam di-negeri ini.

KEDUA: Pada me-nambah serta meningkatkan lagi kesedaran dan sema-ngat berugama di-kalangan semua perengkat orang2 Is-lam dengan chara meluas-kan ilmu dan amalan2 ajaran-nya di-perengkat ras-mi dan tidak rasmi dengan sa-tegas2-nya.

KETIGA: Pada menga-dakan kesan2 kenangan yang konkerit terhadap ku-run ke-XV Hijrah akan menjadi ristaan baik di-kemudian hari mengenai sambutan-nya.

Jadi apa pun nama-nya, ya'ani musim da'awah-kah, bulan da'awah-kah atau apa saja tidak penting, yang nyata, dan shukor al-ham-dulillah, ramai orang2 kita yang terlibat dengan per-sediaan-nya sejak berbulan2 yang lalu lagi. Ramai mak-sud saya ia-lah menyeluroh dari berbagai2 Jabatan Ke-rajaan sampai ka-badan2 atau pertubohan2 belia dan kebajikan.

Ini-lah suatu kelebehan dan keistimewaan sambut-an itu. Kita dapat meng-gembeling tenaga bersama2. Tepat sa-kali itu menanda-kan kita semua, di-pereng-kat rasmi dan bukan rasmi sedang dalam menambah dan meningkatkan lagi ke-sedaran berugama dengan chara meluaskan ilmu dan amalan ajaran-nya.

Sesunggoh-nya-lah peng-libatan yang menyeluroh itu memperlihatkan kese-diaan orang2 kita bagi me-lakukan sa-suatu demi ugama.

### NEGERI ISLAM

Kesediaan sa-demikian sesuai benar-lah dengan ke-dudokan Islam di-negeri ini. Maksud saya, negeri kita ini sa-panjang sejarah kesultanan-nya ada-lah ne-geri Islam. Chara hidup di-negeri ini ada-lah jelas memboktikan kesan dan pengaroh-nya. Tentu-lah menyedehkan kira-nya kita lupa akan kenyataan ini.

Soal sama ada pengaroh-nya itu kuat atau tidak bukan-lah jadi masaalah. Yang mustahak kita telah pun menerima-nya menjadi ugama negeri atau ugama rasmi. Dan sa-takat seka-rang tidak ada tanda2 yang kita berkeberatan bagi ber-ugama rasmikan Islam itu.

Ada pun analisa menge-nai ertikata kerasmian-nya itu, tapi yang sudah nyata kita sekarang sedang dalam usaha meluas dan membe-tulkan fahaman serta amal-an kita terhadap-nya. Ini penting sa-kali di-insafi ba-hawa fahaman yang betul dan luas mengenai semua aspek ajaran-nya di-sertai dengan mengamalkan-nya tentu akan mengokohkan lagi pengaroh-nya. Begitu-lah sa-kurang2-nya pada perengkat sekarang dan sa-chara beransor2. Masa de-pan yang panjang di-kemu-dian hari membukakan ke-mungkinan2 sa-terus-nya.

### PINTU

Akan lain pula hal-nya jika sekarang kita sudah awal2 menutop rapat pintu kemung-kinan di-masa hadapan itu. Tapi yang jelas kita tidak pun bersikap semalas itu, bahkan suasana keugamaan pada pe-rengkat sekarang pada umom-nya memberi harapan bagi ma-sa depan itu.

Begitu-lah. Kita akan mera-yakan Tahun 1400 Hijrah sa-bulan lama-nya. Apa-kah itu menjadi bulan dan musim da'awah bukan-lah tumpuan perhatian kita. Yang penting ia-lah kita, di-perengkat rasmi dan bukan rasmi; akan meli-batkan diri dalam satu musim bergiat (tentu sebok) pada meningkatkan lagi shi'ar Islam di-negeri ini. Dan kita mahu melihat kesan-nya, bukan pada siapa2 tapi pada diri kita sen-diri-lah yang utama-nya.

Kalau orang menyebut2 fasal kebangkitan semula Islam (Islamic Revival) saperti yang di-heboh2kan oleh ajensi2 be-rita luar negeri, hal itu pada kita — dalam kontek negeri kita dengan suasana iklim kita — ia bererti sa-bagai arus kembali kapada berchara hi-dupkan chara Islam. Dan al-hamdulillah, kita telah pun menyatakan hasrat sa-demikian itu. Kita perlu yakin yang ki-ta tidak tersalah pileh sebab yang demikian itu-lah yang di-tuntut Allah kapada kita. Ten-tu Allah tidak akan mensia2-kan masa depan kita. — *Ketua Pegawai Penerangan.*



'PAMERAN kesan2 Islam' ia-lah antara achara dalam sambutan tahun 1400 Hijrah. Jawatan-kuasa yang di-pengerusikan oleh Pengarah Muzium, Pengiran Dato Sharifuddin telah me-ranchang persiapan-nya dengan teliti bagi memperlihatkan aspek2 ke-Islaman di-negeri ini. Pameran tersebut akan di-tempatkan di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

# BRITISH TRADERS LEAVE BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Eleven members of the London Chamber of Commerce who arrived in Brunei on Oct 16 for a two-day visit left for Kuching on Thursday.

They visited the Brunei Shell Petroleum Co in Seria last Wednesday.

The Managing Director, Mr Everett and the Trade Relations Advisor, Mr Livingstone were among the Company's officials who met and briefed the visitors.

On the night of their arrival, the British traders were entertained to a reception by the British High Commissioner, Mr Arthur Watson at his residence.

The distinguished guests of the function included Pengiran Sanggamara Di-Raja Lieutenant Colonel Pengiran Ibnu, the State Financial Officer and the Director of Education.

At noon, the businessmen from London attended a luncheon party by the Director of Economic Development Board on behalf of the Brunei Government.

In the afternoon, they attended a talk given by the directors of Economic Development Board and the Public Works Dept.

It was then followed by an open discussion between the visitors and members of the Brunei Chamber of Commerce.

The British trade mission was led by the former British High Commissioner to Malaysia, Sir Eric Norris.



# SOCIAL COURSE ENDS

BANDAR SERI BEGAWAN. — A month-long course on social work and community development ended on Wednesday.

Some fifty people from various government depts, welfare and youth associations attended the course which was conducted by Dr Almanzor, the United Nations Regional Advisor on social work and community development for Asia and the Pacific.

The Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, officially closed as well as opened the course on behalf of the Mentri Besar.

Pehin Dato Hussein in his closing address, among other things, said that the project had not only satisfied a long-standing and widely felt public need but also served to fill some important gaps in the knowledge and understanding of the various methods of social work and community development. The need for a co-ordinated interdisciplinary Council of Social Services had surfaced.

He said, "We must work towords the prevention of social ills which appear to be the by-products of economic development and modernisation throughout the world to-day."

The picture on the top of the left shows Pehin Dato Hussein, Dr Almanzor and the Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zahrah, (Second, third and fourth from left respectively) attending a reception held at the Youth Centre here on Wednesday.

While the below one shows the Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris addressing the participants of the course, who attend a reception by her at her residence last week.





## Tahlil Prayers

BANDAR SERI BEGAWAN. — More "Tahlil" prayers were held last week for the late Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

On Saturday, in the Setia Ali Mosque in Muara Town, the residents offered their tahlil prayers.

Last Friday, several groups of people from villages in different parts of Brunei and government servants went to the Royal Mausoleum here for the ceremonies.

They included Istana and Adat Istiadat officials who were led in the prayers by H.H. the Sultan's General Advisor, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa and the Grand Chamberlain, Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

On Thursday, forty members of the Council of State Dept, also took part in the gathering.

They were led by the Speaker of Legislative Council, Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Other organisations which held the ceremonies included the staff of the Medical and Health Services here and in Tutong, the Information Section, State Secretariat, the Port Dept in Muara, the Kuala Belait Public Works Dept, the Jerudong Park and sergeant and warrant officers of the Royal Brunei Malay Regiment at the Berakas Camp.

## Orphans Fund

SERIA. — The Gurkha Riffles here last week donated two thousand dollars to the Belait District Orphans Fund.

The money was part of the proceeds from a Fun Fair organised by them recently.

It was handed over by the Commanding Officer, Colonel Michael Allen to the acting District Officer, Pengiran Idriss bin Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad at the District Office.

# Health Week Campaign ends

BANDAR SERI BEGAWAN. — The big scale Health Week Campaign which was launched recently throughout the State ended on Sunday.

Voluntary workers in the Brunei/Muara District carried out a major clean-up drive on Friday and Sunday in response to the Health Week Campaign.

The operation was aimed at instilling in the public a sense of the need to keep their surroundings tidy, clean and hygienic.

The campaign on Friday was held along Jalan Tutong starting from Tasek Maradun to the junction of Jalan Gadong and Kampong Barangan here.

On Sunday, the drive was at Jalan Kebangsaan, Jalan Teraja and in Muara Town.

The drive was extended to the Temburong District to fight against the environmental pollution which is hazardous to our health.

The District Officer, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmed, called for the cultivation of clean habit which needed constant practice and not for the health week only.

He launched the district's Health Week Campaign last week at Kampong Batang Duri about eleven miles from Bangar Town.

He led the voluntary workers from the Medical and Health Dept in a clean-up campaign in the area.

The Assistant District Officer, Awang Talib bin Haji Baruddin, Medical Officers and doctors were present at the opening ceremony.

Earlier, the Director of Medical and Health Services Pehin Dato Dr. Franks launched the campaign in the capital.

He led about two hundred volunteers in the Gadong area in the Brunei/Muara District.

The drive was also carried out at Jalan Mabohai, the Muara and Tungku beaches as well as along the river banks and streams.

And the Deputy Director of the Services, Dato Dr Hj Johar led about two thousand people in the cleanliness campaign in the Tutong District.

Meanwhile, in the Belait District, the drive was launched by the Acting District Officer, Pengiran Idriss.

Hundreds of people took part in the project in the Kuala Belait and Seria Town Area.

The Health Week Campaign which commenced on Oct 14 was very successful and had educational value.

## Lectures for PWD staff

BANDAR SERI BEGAWAN. — A series of lectures on relevant engineering and administrative topics was organised by Public Works Dept for its staff on Thursday afternoon.

The first lecture was attended by more than thirty officers of the PWD, and was held at the Churchill Memorial Lecture hall here.

The first of the lectures was on "Soil Stabilization" given by Dr Ting Wen Hin who is a Senior Associate Consultant with Bolton Hennessey Pte Ltd.

Dr Ting obtained his doctorate at the Cambridge University, England. His varied experience included work on Subang Airport, Kuala Lumpur, where he was the Engineer-In-Charge of Quality Control of earthworks, concrete and cement.

He also headed the design team in widening the Singapore/Johore causeway.

He is presently also an Associate Professor in the Faculty of Engineering of the University of Malaya.

The lectures were presented by engineers and officers from PWD itself and also from the consultants currently carrying out work in Brunei.

## Tech/Vocational course

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Dept is inviting applications from subjects of H.H. the Sultan for enrolment in a fulltime course at the Jefri Bolkiah School of Engineering which will commence in January, 1980.

The course is City and Guilds Course No. 824 Radio, Television and Electronics Servicing Part 1.

The duration of the course will be 18 months.

Applications must be submitted to the Principal, Jefri Bolkiah School of Engineering, P. O. Box 63, Kuala Belait by October 31.

Meanwhile, the Dept also invites applications for enrolment in a part-time clerical course (Elementary Stage) at Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara, Brunei.

The course will be completed in two years.

The subjects to be studied are tpyewriting, office practice, and English Language.

All applications must be submitted to the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, P. O. Box 914, Bandar Seri Begawan, by October 29.

## ARMY'S NEW TANKS

BERAKAS. — The Royal Brunei Malay Regiment will take delivery of another three 'Scorpion" tanks as well as two "Sultan" tanks.

They will be arriving at Muara port tomorrow.

The "Sultan" tank like the "Scorpion" is British-built and Brunei will become the first owner in Borneo.

The Regiment hopes to complete its tanks squadron with the addition of thirteen Scorpions and one Samson tank in the near future.



**BRUNEI and other 13 countries took part in the Asian Cycling Championships held in Shah Alam, Kuala Lumpur, on Oct 7.**

**The picture shows Brunei's 3 cyclists participating in the 100 kilo-metre "Team Time Trial" race in which Brunei won a 10th place.**

# BEWARE OF CONMEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — There has been a warning about conmen posing as Telecoms Dept's employees and collecting money from members of the public with promises of installing new telephones or repairing existing ones.

The Director of Telecoms Department said all telecoms employees had been issued with identification cards, which bore their names and photographs.

He advised members of the public to ask those who called on them claiming to be officials from the department to present their credentials before treating them as such.

The Director also stressed that no payment should be made to anybody other than the cashier at the department's main office.

## POLICE RECRUIT YOUNG MEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Forces as Constables.

Successful applicants will undergo a six-month recruit training at the Police Training Centre, Jalan Muara, in mid-December this year.

Applicants must be Brunei subjects, bachelors or married, between the ages of 18 and 28, at least 5' 2" in height and be physically fit.

Further details are obtainable from any police station throughout the State.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

# LARANGAN JANGAN MENYERUPAI ORANG KAFIR

**"Allah memerintah supaya orang2 Islam mengikut chara shari'at yang di-bawa oleh Rasulullah s.a.w. Jangan Mengikut2 chara orang2 bukan Islam kerana yang demikian itu neschaya membawa pechah belah"**

TERDAPAT dalil yang melarang orang2 Islam dari meniru2 dan menyerupai gaya orang2 kafir

PERTAMA: Hadith (Marfu'hasan) yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad, Abu Daud dan At-Tabarani yang mana Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Erti-nya: "Barangsiapa menyerupai sa-suatu kaum maka dia ada-lah dari golongan mereka."

Sunggoh pun sanad hadith ini lemah (dha'if) tetapi ia ada mempunyai sokongan (shahid) pada riwayat Al-Imam Bazzar dari sahabat2 Huzaifah dan Abu Hurairah; dan juga pada riwayat Al-Imam Abi Nu'iem daripada Anas; serta juga pada riwayat Al-Qudha'ie daripada Taus (sa-chara mursal). Sokongan itu tersebut dalam suatu athar daripada Al-Hasan (Al-Basri) berbunyi

وَقَلَّمَا تَشَبَّهَ رَجُلٌ بِقَوْمٍ إِلَّا كَانَ مِنْهُمْ

Erti-nya: "Jarang sa-kali sa-orang lelaki itu menyerupai sa-suatu kaum melainkan dia ada keadaan dengan keadaan mereka."

Dengan ada-nya sokongan2 itu maka, hadith mula2 tadi menjadi hadith hasan, sa-bagaimana di-sebutkan oleh Al-Imam As-Sakhawi (meninggal tahun 902 Hijrah) di-dalam kitab-nya Al-Maqasid Al-Hasanah.

Lain2 sokongan kapada hadith tersebut ia-lah:

(1) Hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Abu Ya'ala daripada sahabat Ibnu Mas'ud:

مَنْ كَثَّرَ سَوَادَ قَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Erti-nya: "Barangsiapa membanyakkan bilangan sa-suatu kaum maka dia ada-lah dari golongan mereka"

(2) Hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tarmizi:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ تَشَبَّهَ بِغَيْرِنَا

Erti-nya: "Bukan dari golongan kita umat Islam barangsiapa menyerupai kaum yang lain daripada kita." Sa-kalipun hadith ini di-katakan lemah (dhaif) tetapi telah di-akui sah (tashih) oleh Al-Imam Ibnu Hibban dan Al-Iraqi saperti tersebut di-dalam kitab Kashful Khafa' karangan Al-'Ajluni (meninggal tahun 1162 Hijrah).

(3) Berkata Al-'Allamah Ibnu Taimiyah (meninggal tahun 728 Hijrah) dalam kitab-Iqtidha' As-Siratil Mustaqim bahawa hadith sanad-nya ada-lah jaiyid (baik). Dan kata-nya lagi: Al-Imam serta lain2 ulama, ia-itu Al-Imam Malek, Abu Hanifah dan As-Shafi'e telah berdalil dengan hadith ini.

(4) Berkata Al-Imam Al-Kauthari: "Berdalil imam2 yang empat dengan sa-suatu hadith menunjokkan bahawa mereka telah mentashihkan hadith itu. Bahkan kata jumhur ulama' dari segala puak bahawa khabar al-wahid (hadith yang hanya di-khabarkan oleh sa-orang) itu apabila di-terima oleh umat Islam dengan membenarkan-nya atau dengan mengamalkannya maka perbuatan mereka itu mewajibkan hadith (yang di-khabarkan oleh sa-orang) itu dapat di-yakini dan di-terima sa-bagai sah. (di-rengkaskan daripada Maqalat Al-Kauthari).

KEDUA: Di-riwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada Abi Othman yang mengatakan: "Sayidina 'Umar telah menulis kapada kami sa-waktu kami berada di-Azrabijan (dekat Tasek Kaspain kawasan Rusia sekarang), kata-nya: Wahai 'Utbah bin Farqad! (Ketua angkatan tentera Islam). Harta tawanan itu bukan pula dari usaha bapa kamu, dan tiada pula dari usaha ibu kamu. Maka hendak-lah kamu kenyangkan orang2 Islam (tentera Islam) di-dalam khemah2 mereka dari jenis makanan yang kamu berkenyang2 dengan-nya dalam khemah kamu. Hubaya2 kamu bersenang2 dengan harta tawanan, dan hubaya2 kamu dari (memakai) pakaian orang2 mushrikin dan dari memakai sutera," (tersebut di-dalam At-Targhib Wat-Tarhib karangan Al-Imam Al-Munziri yang meninggal tahun 656 Hijrah).

HUKUM: Berdasarkan dalil2 di-atas itu, Al-Allamah As-Sayid Abdullah bin Omar bin Yahya Al-'Alawi Al-Husaini yang datang ka-Pulau Pinang dan Palembang serta lain2 negeri di-rantau ini pada tahun Hijrah 1248, telah berkata dalam kumpolan fatwanya:

"Maka dari ibarat ulama2 tersebut (Al-Imam Ibnu Hajar di-dalam Azzawajir, Fathul Jawad dan di-dalam kumpolan fatwa-nya: serta juga Shaikhul Islam Zakaria Al-Ansari di-dalam 'Emad Ar-Ridha dan As-Shihab Ramli dalam kumpolan fatwa-nya) dan lain2 mereka itu memberi faham kapada kita empat perkara:

PERTAMA: Dia (orang Islam) itu bergaya dengan gaya yang khas bagi orang kafir dan dia berjalan sama mereka ka-tempat ibadat mereka, maka hukumkan dia kafir.

KEDUA: Dia bergaya dengan gaya yang khas bagi orang kafir kerana chenderong hati-nya pada ugama mereka, atau ia bermaksud (qasad) menyerupai mereka pada lambang2 kufur mereka, maka di-hukumkan dia kufur.

KETIGA: Dia bergaya yang khas bagi orang kafir tetapi ia tiada chenderong pada ugama mereka, dan tiada pula ia bermaksud menyerupai mereka pada lambang2 kufur mereka, bahkan ia memaksudkan menyerupai mereka pada lambang2 raya mereka, atau ia bermaksudkan menyerupai mereka pada lambang2 raya mereka supaya dapat ia bermu'amalah dengan mereka dengan mu'amalah yang mubah (harus) pada shara' saperti jual-beli atau sewa-menyewa, maka ia berdosa dengan maksud tujuan saperti itu, tetapi ia tidak di-hukumkan kufur.

KE-EMPAT: Dia bergaya dengan gaya yang khas bagi orang kafir dengan tiada sa-mena2 atau dengan terserampak, dengan tiada memaksudkan sa-suatu dari perkara yang tersebut pada orang2 yang kafir itu, maka tiada-lah jadi haram, tetapi itu makruh, sa-bagaimana ulama' berkata makruh memakai baju atau kain dan ekor (hujong)-nya laboh kena lantai dalam sembahyang dan di-luar sembahyang kerana berbuat begitu menyerupai orang Yahudi. (Jika laboh kerana bermegah2 ada-lah haram saperti di-sebutkan dalam tulisan yang lalu).

Athar yang sama juga diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Zar Al-Harawi dalam Al-Jame' dan Al-Imam Al-Baihaqi daripada Abu Othman An-Nahdi dalam suatu athar yang panjang; yang mana Sayidina 'Umar mengatakan mereka itu daripada 'bernekmat2 dan daripada memakai pakaian orang2 asing'. (Tersebut dalam Kanzul 'Ummal dari Kitab Hayatus Sahabah r.a. karangan As-Sheikh Muhammad Yusof Al-Kandahuli).

SUROHAN: Jadi, Islam menyuroh umat-nya menjadi suatu umat yang berbeza dari lain2 umat sama ada dalam adat-nya atau dalam iktikad atau dalam pakaian atau lain2.

Dalil2 di-atas itu di-kuatkan lagi dengan ayat2 al-Kor'an dan al-Hadith saperti berikut:

(1) Ayat 18 Surah Al-Jashiah:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا — الاية.

Tafsir-nya dengan rengkas: Allah Ta'ala memberi kapada Nabi Muhammad satu shari'at dari ugama Allah maka hendak-lah Nabi Muhammad dan orang2 Islam berjalan mengikutnya.

(2) Ayat 115 Surah An-Nisa':

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّى وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Rengkasan tafsir-nya: Allah menegah orang2 Islam daripada menyalahi Rasulullah s.a.w. dan daripada mengikut chara orang2 yang tidak beriman. Perbuatan sa-demikian itu di-murkai Allah dan orang yang melakukan-nya akan di-masokkan ka-neraka.

(3) Ayat 153 Surah Al-An'am:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ — الاية

Tafsir rengkas-nya: Allah memerintahkan supaya orang2 Islam mengikut chara shari'at yang di-bawa oleh Rasulullah s.a.w. Jangan mengikut2 chara orang2 bukan Islam kerana yang demikian itu neschaya membawa pechah belah.

(4) Menurut dalam hadith riwayat Al-Imam At-Tarmizi daripada sahabat Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. menyuroh orang2 Islam ubah warna uban dari puteh kapada warna merah saperti warna inai atau warna kuma2 (bukan kapada hitam kerana mewarnakan uban dengan warna hitam ada-lah haram hukum-nya); dan jangan orang Islam menyerupai orang Yahudi sebab mereka itu membiarkan uban tinggal puteh melapak.

(5) Menurut riwayat Al-Imam Al-Bukhari bahawa Nabi s.a.w. menyuroh orang2 Islam berbeza daripada orang2 mushrikin dan menyuroh berjanggut dan memotong tepi2 misai,

(6) Menurut suatu hadith bahawa sahabat2 bertanya ia-itu orang2 Ahlul Kitab (Yahudi dan Nasrani) memakai seluar dan tiada berkain, Rasulullah s.a.w. menjawab (terjemahan-nya:) "Kamu pakai seluar dan pakai kain dan menyalahi-lah kamu akan kelakuan Ahlul Kitab.)

KESIMPULAN: Dari ayat2 serta juga hadith2 ini dan juga ibarat2 ulama' kita dapat faham bahawa kita umat Islam di-suroh ada dalam keadaan yang berasingan daripada orang lain dalam segi keperchayaan, dalam keadaan tuboh badan, dalam pakaian dan lain2.

*WALLAHU A'ALAM*




CHARA hidup yang di-tunjokkan dalam wayang2 gambar dan juga majallah2 hiboran banyak mempengarohi muda-mudi kita hari ini. Ada-lah penting di-ingatkan bahawa terikut-ikut akan chara dan gaya sa-demikian itu mungkin merosakkan akidah awda.

# Memenohkan saf2 perlu untok kesempurnaan dalam sembahyang

SALAH satu chara kita untok bertakwa ia-lah dengan mengerjakan sembahyang. Dan sa-elok2-nya sembahyang yang di-suroh ia-lah sembahyang berjemaah di-masjid2 kerana sembahyang itu tiang ugama dan berjema'ah itu pula banyak pahala-nya dan faedah-nya tersangat nyata. Berjemaah erti-nya berkumpol, banyak perkumpolan tanda-nya ramai dan ramai erti-nya kuat. Maka demikian-lah bersembahyang berjemaah itu antara tujuan-nya supaya dapat melahirkan perasaan bersatu-padu dalam mengerjakan perintah Allah. Perpaduan dan perkumpolan tidak shak lagi akan menambahkan keharuman nama orang2 Islam di-mata ramai dan dengan demikian orang lain akan tertarek dan menghormati kita dan ugama kita. Demikian-lah hikmat sembahyang. Orang yang tidak suka berjemaah bererti orang itu orang yang tidak suka berchampor-gaul yang hanya ingin hidup sa-orang diri menungkat langit. Orang sa-umpama ini tidak di-ingini oleh Islam.

Satu hal yang perlu di-perhatikan ia-lah pada tiap2 hari Jumaat saperti ini sa-belum bersembahyang bilal atau merbut akan menyeru sidang jemaah supaya memenohkan saf2 yang kosong.

Sa-benar-nya seruan supaya jemaah memenohkan saf2 yang kosong ini bukan-lah suatu permintaan biasa, tetapi ada-lah di-suroh oleh ugama.

Ada-lah mendukachitakan kita melihat sa-bahagian daripada saf2 ketika sembahyang berlingkok-lingkok saperti ular di-palu kepala, saf2 jarang dan renggang dan berputus-putus di-sana sini. Apabila sa-orang ahli jemaah diminta memenohi ruang ruang yang renggang itu dia berasa ganjil.

Kesempurnaan saf dalam sembahyang ada-lah salah satu perkara yang mustahak, ia-nya di-kira sa-bagai menchukopkan kesempurnaan sembahyang berjemaah itu. Erti-nya sembahyang yang berjemaah tidak menjadi sempurna jikalau saf2 kosong terputus dan tidak lurus.

Di-dalam banyak pesanan Nabi s.a.w. mengenai saf ini ada mengertikan bahawa saf yang tidak lurus dan berputus-putus itu, menandakan bahawa orang Islam tidak bersatu padu, renggang dan tidak kuat perhubongan persaudaraan dan silatur-rahim antara mereka, jiwa mereka tidak lurus. Saperti sabda Baginda yang bererti:

*"Hendak-lah kamu membetulkan barisan sembahyang kamu atau jikalau tidak demikian maka Allah akan menjadikan antara kamu perselisehan". (tidak bersatu padu dan terjadi permusohan dan perpechahan).*

Sabda-nya lagi yang bererti:

*"Barang siapa yang menyambongkan saf, Allah akan menyambongkan dia dan barang siapa memutuskan saf, Allah aka memutuskan dia."*

Daripada hadith ini kita dapat memahami bahawa surohan memenohkan saf2 yang kosong, meluruskan saf sa-belum sembahyang ada-lah sangat mustahak, sa-belum sembahyang hendak-lah kita melihat ka-kiri ka-kanan ka-hadapan ka-belakang, mana2 kawan yang di-sebelah badan-nya terkehadapan hendak-lah di-belakangkan dan mana2 yang terkebelakang hendak-lah di-kehadapankan, supaya jadi-lah barisan itu saperti mana barisan tentera dalam mengadakan barisan kehormatan, kerana bukan-kah pada sembahyang itu kita berada dalam barisan menghormati Allah s.w.t., kita sedang berhadapan dengan Allah, ada-kah tidak patut kita lebeh berlaku hormat dan takzim dengan sempurna-nya di-hadapan Allah. Jikalau tidak di-mana-kah lagi kita akan menghormati Allah jikalau tidak dalam sembahyang?

Berkenaan dengan ruang2 yang lapang atau yang renggang sudah barang tentu mendatangkan tidak sedap pada diri kita di-waktu sembahyang jikalau kita




perhatikan kapada rantai yang sudah putus maka kita tau rantai yang putus tidak boleh kuat untok menjadi pengikat. Demikian-lah saf yang kosong dalam sembahyang juga sangat besar bahaya-nya. Ini bererti menjemput shaitan masok di-tengah2 saf2 kosong itu lalu menchuchok hati dan perasaan orang yang sedang sembahyang itu sahingga dia lalai dan tidak khusu'.

Sabda Nabi s.a.w. yang bererti:

*"Luruskan saf2 kamu dan samakan di-antara bahu2 kamu, dan lembutkan badan kamu (supaya di-usai) oleh tangan2 saudara2 kamu dan tutop tempat2 lapang kerana shaitan boleh masok di-antara kamu saperti sa-ekor kambing hitam yang kechil."*

Maka mulai hari ini ingat-lah seruan bilal dan merbut atau imam, bila diminta meluruskan barisan dan memenohkan saf2 yang kosong, supaya sembahyang kita sempurna, supaya kita tetap berpadu satu dan supaya shaitan tidak masok mengganggu hati kita dalam sembahyang.

## Berkursus ka-U.K

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lagi Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei Awg Tengah bin Abd. Latif, Penolong Pensharah di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah berlepas Ka-United Kingdom untok mengikuti Kursus Sarjana Muda Falasafah (Pendidekan) di-Universiti Birmingham sa-lama lebeh kurang 15 bulan.

Pemergian beliau ada-lah sa-chara latehan dalam perkhidmatan dan telah bertolak meninggalkan tanah ayer pada hari Sabtu, 20hb Oktober yang baru lalu.

Dalam bulan lepas tiga orang pegawai dari jabatan tersebut telah juga berlepas ka-United Kingdom bagi mengikuti kursus di-berbagai fakulti di-universiti yang sama.

# SHARI'AT MEMPERTEGOH HUBONGAN ANTARA MAHLOK DENGAN KHALIK

**Bingkisan minggu ini**

SIAPA-KAH di-antara manusia ini yang tidak ingin kapada kesempurnaan? Dan siapa-kah pula di-antara-nya yang tidak inginkan kebahagiaan? Jawapan-nya tidak ada, semua manusia inginkan kesempurnaan dan kebahagiaan. Sa-lagi nyawa maseh ada di-badan dan sa-lagi nadi maseh berdenyut maka sa-lagi itu-lah manusia tidak mahu ketinggalan untok mengechap kebahagiaan dan kesempurnaan, kechuali ia sa-orang yang tidak siuman akal-nya.

Sa-telah di-korek dan di-analisa rahsia kehidupan itu, dengan pengkajian yang berhubong dengan hikmat dan falsafah-nya, maka tanya-lah diri sendiri; dapat-kah di-yakini bahawa hidup itu pasti beroleh kesentosaan dan keselamatan? Dan akan terchapai-kah tujuan kita kalau kira-nya tidak ada undang2 kehidupan yang di-ikuti. Dari sini kita dapat menyimpulkan bahawa peraturan itu ada-lah salah satu keperluan bagi sa-tiap manusia.

Bagi mereka yang sehat pemikiran-nya, tentu tidak akan mahu terjatoh atau mendapat kemalangan ketika berjalan di-jalanraya. Semua mereka itu mahukan selamat dan terlepas dari segala malapetaka. Tetapi keselamatan tersebut akan di-adakan peraturan lalulintas. Dan peraturan tersebut pula mesti-lah di-patohi sa-tiap orang. Agar dengan itu akan tersiseh-lah bahaya yang akan menimpa.

Demikian-lah juga hakikat-nya manusia dalam mengharungi perjalanan hidup-nya. Ia memerlukan peraturan2 yang boleh menjamin keselamatan untok menuju jalan yang mendapat kerelaan Allah s.w.t. Adapun peraturan2 yang telah di-tetapkan itu ia-lah shari'at yang telah di-turunkan oleh Allah kapada manusia melalui Rasul2-Nya. Manusia sa-benar-nya lebeh perlu kapada shari'at Allah daripada segala-galanya kerana shari'at itu ada-lah untok kesihatan dan ketenteraman jiwa, serta keperluan bagi sa-panjang kehidupan manusia. Dan jika sa-seorang itu tidak berpegang kapada shari'at dan peraturan maka akan binasa-lah akal-nya, rosak-lah budi bahasa-nya, dan binasa-lah hidup yang sejati yang menjadi tujuan hidup yang bernafas.

Maka dalam maksud yang paling longgar di-perkatakan di-sini, bahawa berpegang kapada shari'at itu ada-lah mempertegoh hubongan antara makhlok ia-itu manusia dengan Khalik ia-itu Allah s.w.t. Kerana dengan keizinan khalik itu-lah maka manusia berdaya untok mengechap hidup-nya sa-hingga dapat mengenal segala kenekmatan yang beranika rupa. Oleh yang demikian ada-lah penting bagi kita untok mempertegoh kesetiaan pada mengerjakan surohan2 Allah dan menjauhi segala larangan2-Nya. Ibadat saperti ini sa-benar-nya tidak lain dan tidak bukan bertujuan untok mensuchikan dan membentok jalan yang sa-baik2-nya bagi seluroh manusia.

Manakala manusia itu mengingkari kapada shari'at yang telah di-tentukan atau dengan lain perkataan tidak melakukan ibadat dan malah menghampirkan diri-nya kapada larangan yang telah di-tentukan, maka tunggu-lah benchana yang akan datang. Kemalangan jalanraya mithalan-nya, ia terjadi apabila pengguna memikirkan bahawa peraturan itu ada-lah di-dalam tangan mereka sendiri.

Maka dengan sebab kegagalan kita mengikuti shari'at yang di-tentukan itu akan timbul-lah berbagai-bagai penyakit dari lidah dan hati, memfitnahkan orang, membawa khabar2 burok untok di-sebarkan kapada orang2 lain, mengumpat, menghasut dan lain2 lagi. Dan dengan ini-lah juga akan berkembang perbuatan keji, berbunoh-bunoh sa-sama manusia, minuman yang merosakkan badan dan bermacham-macham lagi keburokan yang mesti akan menimpa.

Ekor dari sini banyak manusia yang kechiwa dalam hidup-nya. Adapun di-antara sebab utama ia-lah akibat dari menchuaikan kewarasan akal-nya dalam menimbang satu2 perkara. Mereka terpedaya oleh desakan yang begitu hebat sa-hingga pegangan kapada peraturan hidup telah terlepas dan akhir-nya baharu-lah tiba sesalan.

Oleh yang demikian, yang penting dalam soal ini ia-lah akal kita, kerana dengan kekuatan akal dapat menundokkan diri kapada Yang Maha Kuasa dan kemudian menghormati sa-tiap peraturan yang di-datangkan-Nya kapada kita. Kemudian di-ikuti pula dengan perasaan takut terhadap hukum yang akan di-datangkan-Nya kapada kita. Kemudian di-ikuti pula dengan perasaan takut terhadap kesalahan2 yang di-lakukan.

Dengan kebijaksanaan kita menggunakan akal yang mana menjadikan kita mengikut shari'at yang di-tentukan itu kita akan dapat hidup bahagia di-dunia dan di-akhirat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24hb Oktober, 1979 hingga ka-hari Selasa 30hb Oktober, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 25hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 26hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 27hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 28hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 29hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 30hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## Memelok Ugama Islam

MENTIRI — Sa-orang pemuda China, Johnny Toppit Shim, 31 tahun, baru2 ini telah memelok Ugama Islam dalam satu majlis pengIslaman yang berlangsong di-rumah Pg Md Jaafar bin Pg Damit, Batu 10 Jalan Mentiri. Dia kini di-kenali sa-bagai Awang Zunaidi bin Abdullah dan telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat Serudin.

# KABONG BAGI KELUARGA DIRAJA TELAH BERAKHIR

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perkabongan memperingati hari lindong Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Anak Abdul Rahman, bagi keluarga Diraja telah berakhir sa-malam 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 23hb Oktober, 1979 (sa-lama empat puloh hari).

Serentak dengan itu, Majlis Bertahlil Genap Empat Puloh Hari bagi Almarhumah itu telah selamat di-sempurnakan di-Istana Darul Hana, pada jam 3.30 petang sa-malam. Majlis Genap Sa-Ratus Hari, sa-takat ini belum lagi di-ketahui. Bagaimana pun ia-nya akan di-umomkan kemudian.

Terdahulu dari itu, Majlis Genap Tiga Hari dan Tujoh Hari telah selamat di-sempurnakan di-Istana Darul Hana. Perkabongan sa-lama tiga puloh hari bagi orang ramai juga telah berakhir sejak 13hb Oktober, 1979 yang lalu.

Sejak hari lindong Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kubah Makam Diraja, tidak putus2 di-ziarahi sambil membacha Yasin dan Bertahlil, antara-nya penuntut2 sekolah, pendudok2 kampong, kakitangan2 pejabat Kerajaan dan juga masharakat orang2 India yang berugama Islam.

Di-Istana Darul Hana, masjid2 dan surau2 di-seluroh negeri telah mengadakan Majlis Tahlil, sa-lepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib sa-lama empat puloh hari.



Di-ketuai oleh Speaker Dewan Majlis, YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi kakitangan2 dan Ahli2 YB Dewan Majlis di-bangunan pejabat tersebut, minggu lalu (Gambar atas). Sementara itu di-fahamkan, sa-orang Ahli Yang Berhormat Dewan Majlis, Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, telah pergi menunaikan fardhu haji, tahun ini.



## Menziarahi Makam Almarhumah

KAMPONG BUNUT.—Saramai 135 orang guru2 serta kakitangan Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakan Bunut sini, telah mengadakan upachara Bachaan Tahlil di-Kubah Makam Diraja bagi Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (Gambar bawah).

Sementara itu, pendudok2 Kampong Jaya Setia dan Kampong Jaya Bakti Berakas, telah mengadakan majlis yang sama di-Makam Diraja, minggu lalu.

Masharakat orang2 India (yang berugama Islam) di-Brunei, juga telah menziarahi Makam Almarhumah, minggu lalu, sambil mengadakan majlis bertahlil.

Kakitangan di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, minggu lalu, telah menziarahi Makam Almarhumah, di-Kubah Makam Diraja, dan mengadakan Majlis Bertahlil.



KELIHATAN Menteri Besar Brunei, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin dan Setia Usaha Kerajaan, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, mengetuai kakitangan2 di-Jabatan SUK, mengadakan Majlis Bertahlil di-Bangunan Pejabat SUK, minggu lalu. (Gambar atas dan bawah).



# LAGI MAJLIS2 BERTAHLIL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kakitangan2 Jabatan Kerja Raya, minggu lalu telah mengadakan Majlis Bertahlil di-Bangunan Bahagian Perabot di-Lapanganterbang Lama Berakas. Majlis tersebut di-ketuai oleh Pengarah-nya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish.

Majlis yang sama juga di-adakan oleh pendudok2 Mukim Kampong Pengkalan Batu, pendudok2 Kampong Lambak, Berakas, Ahli2 Badan Ugama Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan menziarahi Makam Almarhumah.

Kumpolan yang mengandongi 45 orang dari Maktab Perguruan Seri Begawan Sultan di-ibu negeri juga telah menziarahi Makam Almarhumah, sambil membacha tahlil.

Sementara itu, Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong, telah mengadakan Majlis Bertahlil di-Majid Jame, Kampong Sengkurong, sa-lepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib.

Kakitangan2 di-Pejabat Kewangan di-ibu negeri telah mengadakan majlis yang sama, minggu lalu, di-bangunan pejabat tersebut. Turut hadhir di-majlis itu ia-lah Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee. Kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan juga telah mengadakan Majlis Tahlil, di-ibu negeri, minggu lalu.

GAMBAR bawah kelihatan kakitangan2 di-Jabatan Pelabohan, di-Muara, telah mengadakan Majlis Bertahlil, di-bangunan pelabohan minggu lalu.





# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

ADA-LAH di-umomkan kapada orang ramai bahawa sempena menyambut HARI RAYA HAJI, Radio Talivishen Brunei akan memulakan siaran-nya awal sa-lama dua hari pada jam 3.00 petang.

## RABU — 24HB OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Wink of an Eye"
Pegawai2 dan anak2 kapal USS Enterprise di-tawan oleh orang2 yang bertujuan untok menggunakan kaum lelaki bagi menolong meramaikan semula planet mereka.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 BEWITCHED — "Samantha Loses her Voice"
Sa-bagai satu jenaka, Uncle Arthur menukar suara Samantha dan Darrin.
7.24 AZAN ISHA
7.28 BEWITCHED — sambongan
7.40 FLAMBARDS —
Christina menerima satu tawaran bertulis dari William dalam penerbangan mereka baru2 ini dari Peranchis.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK — James Last Star Parade
9.55 GUSTI
10.45 SIARAN TAMAT

## KHAMIS — 25HB OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 BIG BLUE MARBLE — sambongan
6.30 NOBODY'S HOUSE
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 HIDAYAT
7.24 AZAN ISHA
7.28 HIDAYAT — sambongan
7.40 HIGH CHAPARRAL — "The Peacemaker"
Billy Blue meninggalkan ladang sa-lepas satu perkelahian dengan bapa-nya dan mengetuai satu wakil keamanan Presiden kapada Ketua Indian, Cochise.
8.30 WARTA BERITA
8.45 ANIMAL WORLD — "Twentieth Century Ark"
Kesah yang menarek mengenai Taman Binatang Liar San Diego.
9.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 26HB OKT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS— "Yankee Doodle"



SUSAN Howards sa-bagai Maggie Petrocelli, isteri sa-orang peguam, Petrocelli. Temui-lah ia dalam siri ini pada hari Ishin jam 7.40 malam.

6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 FAMOUS FIVE — "Five are Together Again"
Quentin Kirrin dan isteri-nya terpaksa di-kuarantin kerana demam merah. Anak2 mereka di-hantar ka-rumah Professor Hayling dan anak lelaki-nya Tinker.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 THE GOOD LIFE — "The Weaver's Tale"
Pasangan Goods kali ini meranchang untok membuat pakaian mereka sendiri.
7.23 AZAN ISHA
7.27 THE GOOD LIFE — sambongan
7.40 THE OSMOND FAMILY SHOW
8.30 WARTA BERITA
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 HAWAII FIVE 'O' — "McGarret is Missing"
10.20 THRILLER
11.30 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 27HB OKT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "The Necklace"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Vanishing Africa"
Di-sini kita pelajari bagaimana penghidupan yang tidak terchemar di-Benua Gelap kini terancham dari semua pehak.
7.23 AZAN ISHA
7.27 DOKUMENTARI MELAYU — sambongan
7.40 LIFELINE
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 DOG AND CAT — "Yesterday's Woman"
Ramsey dan JZ sedang menyiasat kegiatan2 pemeras apabila mereka menemui sa-orang wanita yang amat menarek siapa yang mempunyai hubongan yang erat dan mesra sekali dengan Ramsey satu ketika dulu.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU : "Seven Guns for the McGregors"
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 28HB OKT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 HANDUL OF SONGS
5.45 OSCAR AND THE GREAT WOOFEROO—"Poor Old Gnashers"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET — "Beautiful Dreamer" Bahagian II
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 THE GREEN HORNET — sambongan
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 MIXED BLESSINGS — "Welcome to the Family"
7.23 AZAN ISHA
7.27 MIXED BLESSINGS — sambongan
7.40 THE INCREDIBLE HULK — "A Solitary Place"
Dalam menchari ketenangan dari keadaan tegang yang kerap mengubahnya menjadi Hulk, David Banner pergi bersendirian di-sa-buah kawasan yang terpenchil tetapi ia di-ancham oleh sa-orang gadis jelita yang melarikan diri.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MARI BAIBUN
9.30 FROM HERE TO ETERNITY — Bahagian 2
Private Brewitt terus menghadapi kekejaman dan tugas2 tambahan oleh kerana keengganan-nya untok bertinju bagi G Company.
10.45 THE NEXT STEP BEYOND — "A Matter of Pride"
Sa-orang isteri muda yang mengandong, merayu suami-nya untok meninggalkan kerjaya-nya dalam bertinju yang kurang berjaya. Tetapi ia maseh berangan2 semoga pada satu hari ia akan dapat menjadi juara yang terkemuka, dan sa-telah itu baharu-lah ia akan bersara.
11.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 29HB OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 PERUBATAN
7.23 AZAN ISHA
7.27 PERUBATAN — sambongan
7.40 PETROCELLI — "Double Negative"
Petrocelli membela sa-orang lelaki muda yang di-tudoh membunoh, dan mendapati cherita2 aneh yang bertentangan mengenai isteri rupawan lelaki itu, bapa-nya yang berkuasa dan satu filem luchah yang mana di-harapkan akan dapat menemukan-nya dengan sa-orang pembunoh.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VEGAS
9.55 POLDARK — Bahagian 6
Akhir-nya Caroline dan Dwight berkahwin . . . !
10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 30HB OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 VISION ON — sambongan
6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Whale Joins G-Force"
Dalam satu peperangan dengan Zoltar, di-atas lautan, Keyop menyelamatkan nyawa sa-ekor anak ikan paus yang hampir2 di-serang oleh ikan2 jerung.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM
7.10 SERIKANDI
7.23 AZAN ISHA
7.27 SERIKANDI — sambongan
7.40 FLYING HIGH — "It was Just One of Those Days"
Marcy, Pam dan Lisa terpaksa menghadapi segala2-nya dari mengajar sa-orang kanak2 bermain bola hingga-lah kapada sa-orang pembelot Russia.
8.30 WARTA BERITA
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DOCUMENTARY : Fardhu Haji di-Kota Suchi Mekah
10.15 KOJAK — "Justice of All"
Kojak berfikir dengan sa-dalam2-nya untok meninggalkan Angkatan Pulis bagi satu jawatan sa-bagai sa-orang penyiasat dengan sa-buah firma perundangan yang terkemuka tetapi satu siri kematian yang berkaitan dengan dadah menghalang-nya dari membuat keputusan yang muktamad ini.
11.05 SIARAN TAMAT.

# KEJADIAN BENAR2 BERLAKU DI-PUSAT2 PERUBATAN DALAM SIRI BARU "LIFELINE"

## intisari RTB minggu ini

MULAI dari hari Sabtu ini pada jam 7.40 malam, satu siri perubatan yang baru dan berlainan sekali akan di-mulakan. Mengapa-kah siri ini berlainan? Kerana cherita2-nya benar2 terjadi. Di-filemkan di-pusat2 perubatan yang terkemuka, sa-tiap episod "Lifeline" berkisar di-sekitar tugas sa-orang doktor dan memperlihatkan kerja2 di-hospital serta kakitangan2-nya.

Doktor2, jururawat2 dan pesakit2-nya ada-lah orang2 yang sebenar-nya. Penghidupan yang menchemaskan dan kesah2 kematian juga berlaku dengan sebenar-nya.

Ranchangan pertama ini ia-lah mengenai Dr Donald Trunkey, Ketua Perkhidmatan2 Kechemasan, Hospital Umom San Francisco. Apa sahaja boleh terjadi di-bilek kechemasan dan Trunkey menghadapi segala2-nya. Dari kemalangan2 motosikal hingga-lah kamangsa2 kebakaran. Ia amat sebok sekali dengan tugas2-nya dan nampak-nya ia memperolehi kekuatan ini dari penghidupan keluarga yang tenteram dan dengan berjalan2 dengan tenang di-pantai.

Sa-buah 'beeper' sentiasa terlekat di-tali pinggang-nya dan dalam masa 20 minit sahaja ia dapat sampai ka-bilek kechemasan untok panggilan2 kechemasan. Dua puloh minit untok menuju ka-pusat yang amat menchemaskan dan menggonchangkan perasaan yang mana ada-lah sentiasa dalam fikiran-nya.



**Gambar Dr Donald Trunkey dalam Lifeline, siri perubatan yang baru di-mulakan pada hari Sabtu ini.**



# SISWAZAH BRUN



BRUNEI GRADUATES programme this week will feature AWANG LIM JOCK JIN the Principal of Sultan Saiful Rizal Building Trade School, Bandar Seri Begawan.

The programme can be heard at 12.45 pm tomorrow and will be repeated on Sunday 28th October at 8.00 pm.



DALAM ranchangan SISWAZA kami dengan penuntut dari alira Beliau ia-lah Awang Saifon bin rah Tutong.

Awang Saifon telah berja mingham Polytechnics, United

Ikuti-lah ranchangan ini hari Sabtu jam 1.00 tengahari.

## "Seven guns for the MacGregors" tayangan gambar minggu ini

SA-TELAH menghadapi satu tudohan palsu, tujoh orang bersaudara dari keluarga MacGregor (Robert Wood, Nanny Zarzo, Nick Anderson, Paul Carter, Julio Perez Taberno, Saturnino Cerra, Albert Waterman) melarikan diri dari penjara. Dalam perjalanan pulang, mereka menemui Rosita (Agatha Flory), satu2-nya orang yang terselamat dari serbuan Santillana (Leo Anchoriz) di-ladang keluarga-nya.

Gregor (Robert Wood), anak tertua dari keluarga MacGregor, menyertai Santillana dan memberikan maaluman2 pada saudara2-nya. Gregor dan saudara2-nya menjauhkan diri dari penjahat2 sempadan dalam satu peperangan yang tamat apabila jenerasi tua keluarga MacGregor dan Rosita menolong menyelamatkan pendudok2 lembah.

Dengan Rosita di-samping-nya, Gregor membawa kembali saudara2-nya kapada satu masharakat yang aman damai.

**Gambar kiri sa'at yang menyeronokkan bagi salah saorang dari tujoh bersaudara keluarga MacGregor.**



# SHAPE OF THE

THE English Service of Radio Brunei will start a new series of programmes on Tuesday October 30th giving Bruneians an insight into the kind of technology that will affect all of us by the year 1990. Indeed, to bring the daily wonders of 1990 fully to life, you will hear the voice of a man speaking from 1990 describing the host of changes to food, clothing, houses, cars, aeroplanes, telephones, television etc. which will be accepted as the normal background to our lives in the next decade. It will try to encompass the whole silicon chip revolution w talking w sewing mac

The pr the Far E Brunei by Service on week and i evening of

## NEI MINGGU INI



UNEI minggu ini, awda akan dapat mengikuti temuramah ...u yang pertama mendapat ijazah di-United Kingdom. ...g Besar, yang kini bertugas sa-bagai Pegawai Tanah Dae-

...mperolehi ijazah B.A.(Hons) Economics dari City of Bir-...

19hb Oktober, 1979 jam 7.30 malam dan ulangan-nya pada



"TWO Away For No" is back on the air. Pengiran Asmalee bin Pg Ahmad hosts the liveliest programme on English Service with husband and wife teams fighting it out each week. Anthony Chin and his wife, Pamela, are pitted against Abu Samah and his wife, Aishah (Enza) on the next edition which is to be broadcast this Sunday, 28th October 1979, at 1.00 pm. You can hear the repeat broadcast on Tuesday, 30th October 1979, at 9.30 pm.

Listeners who are interested to take part in this programme can contact the producer, "Two Away For No", English Service, Radio Brunei, RTB. (The photo was taken during the mourning period).



Siri The High Chaparral minggu ini bertajok "The Peacemaker".

Siri ini di-bintangi oleh Mark Slade sa-bagai Billy Blue Cannon—kelihatan gambar atas sedang berehat dengan salah sa-orang pelakun wanita — dan akan dapat di-tunton pada hari Khamis jam 7.40 malam.

## TURE

... already given us pocket translators, ...ewdata television and 'thinking'

...s are based on a series initiated by ...rvice of the BBC and adapted for ... Ali. So listen in to the English ... October 30th at 12.00 noon each ... the lunch-time broadcasts try the ...ay at 9.30 pm.

## Animal World

MALAM esok jam 8.45 malam siri ANIMAL WORLD mempersembahkan 20th Century Ark.

Dalam episod ini Bill Burrud mempaparkan kesah yang menarek mengenai San Diego Wild Animal Park yang di-kenali di-seluroh dunia sa-bagai satu langkah terbesar untok memelihara kehidupan liar. Di-taman ini lebeh 1,000 ekor binatang termasok lebeh 150 jenis bergerak bebas dari anchaman bahaya yang mungkin mereka hadapi di-sekitar penghidupan asli mereka. Tiada perangkap, tiada kurongan, tiada gangguan. Tentu-lah binatang2 di-sini menikmati kehidupan yang sunggoh tenteram!



PENGURUS Carlos Cabrillo (Robert Contreras) menyedari bahawa Manny Guzman (Enrique Novi) akan sentiasa menjadi petinju peringkat kedua, dalam "The Next Step Beyond" dengan jodol "A Matter of Pride".

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI :** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI :** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI :** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG :** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30—Ruangan Bertutoran. **PETANG :** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI :** 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG :** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.00—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)—Azan magrib; di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI :** 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 —Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI :** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00— Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON :** 12.00 — Melody Time. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Brunei's Top Seven by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — What's Wrong With Me Doctor ? (repeat); 8.15 Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Dr. Finlay's Casebook (repeat); 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . 11.45 — World of Education. **NOON :** 12.00 — My Music. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "One Evening In Late Autumn" by Friedrick Durrenmatt; 8.45 — Those were the days — by Jaafar Yaakob; 9.00 — Blowing in the Wind produced by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — 33.33 by Bob Kay; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The General Paper — Programme 10 : By what means can the People be involved in the Government. **NOON :** 12.00 — Radiocope produced by Viviyanti Ali. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — The Practical World; 1.00 — Dr. Finlay's Casebook; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper — Programme 10 : By what means can the People be involved in the Government (repeat); 9.00 — Rock Line; 9.15 — News; 9.30 — Sheikh Abbas Calling On You; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — A Hundred Years of Dance Music Programme 5 : "Skies are blue every where"; 11.30 — International Call. **NOON :** 12.00 — Women's World by Charan Chand. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8:00 — Opening Announcement — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — "Life At The Top" by John Braine episode 9; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pop; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — The General Paper — Programme 11 : Freedom. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor ? by Bob Kay; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduate (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round. **NOON :** 12.00 — Hello Tomorrow. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Paul Mauriat and his Orchestra; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper — Prog. 11 : Freedom (repeat); 9.00 — Light Music From Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — Monday's Night Mail by Ak. Hisamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sports Magazine. **NOON :** 12.00 — Talking About Music. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Behind the News by Jaafar Yaakub; 1.15 — Interlude for Strings Side 2; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Gallagher and Lyle Side 1; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

## THE GENERAL PAPER SERIES (ENGLISH SECTION)

**The General Paper — Programme — Friday 26.10.79**

**Title : "By what means can the People be involved in the Government" 11.00-12.00 noon.**

**Repeat Broadcast of Programme 10 — Friday 26.10.79 at 8.00-9.00 p.m.**

**The General Paper — Programme 11 — Sunday 28.10.79**
**Title : "Freedom" at 11.30-12.30 p.m.**

**Repeat Broadcast of Programme 11 — Monday 29.10.79 at 8.00-9.00 p.m. (evening).**

# Sharat2 dan hadiah Peraduan Kerjatangan Wanita

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh tutop menyertai peraduan pameran kerjatangan wanita, ia-lah pada 31hb Oktober, 1979. Peraduan tersebut di-anjorkan oleh WI Brunei, sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Ke-33.

Sharat2 memasoki peraduan itu serta hadiah2 bagi tiap2 jenis peraduan ada-lah saperti berikut:—

SHARAT DAN PERATORAN:

a). Terbuka kapada kaum wanita di-Brunei yang berugama Islam yang berumor 15 tahun ka-atas.

b) Sa-tiap penyertaan hendak-lah di-isi di-dalam borang yang di-tentukan.

c) Sa-tiap gubahan dan kerjatangan hendak-lah berunsor keIslaman.

d). Nama2 peserta tidak boleh di-buboh dalam gubahan dan kerjatangan yang di-hantar.

e) Sa-tiap hasil gubahan dan kerjatangan hendak-lah asli dan belum pernah di-peradukan.

f) Penyertaan yang tidak memenohi sharat2 di-atas tidak akan di-terima.

HADIAH2:

SULAMAN DAN KAITAN. — Hadiah Pertama $200.00, Hadiah Kedua $100.00, Hadiah Ketiga $75.00, 5 Hadiah sagu hati $250.00.

BUNGA TELOR SEGANGSA — Untok majlis berkhatam atau majlis perkahwinan:

Hadiah pertama $150.00 hadiah kedua 100.00, hadiah ketiga $75.00, 5 hadiah sagu hati $250.00.

ANYAMAN: — Bahan daripada mengkuang, pandan, buloh rotan dan rapia.

Hadiah pertama $100.00, hadiah kedua $80.00 hadiah ketiga $60.00. 5 hadiah sagu hati $200.00.

GUBAHAN DARIPADA BARANG2 KERING. — Bahan2 daripada kain, benang2, percha2, tampok2 kelapa, sponge dan kulit telor.

Hadiah pertama $100.00, hadiah kedua $80.00 hadiah ketiga $60.00, 5 hadiah sagu hati $200.00.

PERHIASAN DINDING 2 BAHAGIAN: — a. TAKATAN. Hadiah Pertama $100.00, hadiah kedua $80.00, hadiah ketiga $60.00, 5 hadiah sagu hati $200.00. ARCHA (COPPER TOOLING): — Hadiah Pertama $100.00, hadiah kedua $80.00, hadiah ketiga $60.00, 5 hadiah sagu hati $200.00.

# Bahas perengkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait akan bertemu dengan Maktab SOAS (J) dalam pertandingan akhir bahas bahasa Melayu bagi sekolah2 menengah dan maktab2 kali kesembilan bahagian lelaki A yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran.

Dalam pertandingan itu yang akan berlangsong pada hari Rabu, 31hb Oktober ini di-dewan SMM Muda Hashim, Tutong pasokan dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah juga akan bertemu dengan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dalam bahagian perempuan A.

Sa-banyak 11 buah sekolah menengah dan maktab seluroh negeri telah di-laporkan mengambil bahagian pertandingan tersebut di-pusingan awal bagi melayakkan ka-peraduan pusingan sa-paroh akhir dan tiga suku akhir.

Sementara itu dalam bahas bahasa Melayu itu juga bagi menengah atas lelaki B, Maktab Anthony Abell akan bertemu dengan Maktab SOAS (S) dan perempuan B, SMM Ahmad Tajuddin akan bertemu dengan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Juga dalam pertandingan yang sama dalam bahas yang sama dalam bahasa Inggeris, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah akan bertemu dengan Sekolah St Andrew's dalam kedua-dua bahagian lelaki dan perempuan A.

Manakala bahas bahasa Inggeris menengah atas Maktab Anthony Abell telah berjaya melayakkan diri memasoki pertandingan tersebut dalam bahagian lelaki ia akan bertemu dengan Maktab SOAS (S) dan bahagian perempuan pula akan bertemu dengan Sekolah St Andrew's.

Pertandingan bahagian ini akan berakhir di-dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan pada tarikh yang di-tetapkan kemudian.

Pegawai Pentadbir Jabatan Pelajaran, Awang Ahmad Bokhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Hanifah di-jangka akan merasmikan pertandingan akhir bahas bahasa Melayu dan Inggeris di-SMM Muda Hashim itu nanti.



KIRA2 400 orang penuntut Pusat Tingkatan Enam telah menjalankan kempen kebersehan di-sini pada hari Jumaat 12hb Oktober yang baru lalu.

Kempen pada hari itu di-adakan sempena Minggu Kesihatan yang di-lancharkan di-seluroh negeri dari 14hb hingga 21hb Oktober dengan berthemakan "Jangan Jadi Sa-orang Pengotor."

Kempen yang di-ketuai oleh pengetua pusat itu, Awang Dennis bin Haji Rosli juga di-sertai oleh pensharah2 di-pusat tersebut.

Antara tempat2 yang di-bersehkan oleh mereka termasok-lah Dewan Makan (gambar atas), Asrama, Bilek2 Darjah dan kawasan pusat itu serta tanah perkuboran orang2 Islam.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 18hb Oktober, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN:**

1. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur,
   Bandar Seri Begawan.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Nam Fung,
   No. 114, Bangunan Guru2 Melayu,
   Bandar Seri Begawan.
   b) Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur,
   Bandar Seri Begawan.
   c) Chee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur,
   Bandar Seri Begawan.
   d) Soum Huat,
   No. 28, Jalan Sultan,
   Bandar Seri Begawan.
   e) Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan,
   Bandar Seri Begawan.
   f) Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur,
   Bandar Seri Begawan.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier,
   Bandar Seri Begawan.
   b) Chee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur,
   Bandar Seri Begawan.

**KUALA BELAIT:**

1. LADA KERING — $3.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chiong Kee,
   No. 1A, Jalan Pretty,
   Kuala Belait.
   b) Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty,
   Kuala Belait.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty,
   Kuala Belait.
   b) Chop Lian Ho,
   No. 24, Jalan Pretty,
   Kuala Belait.
3. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Seng,
   No. 20, Jalan Pretty,
   Kuala Belait.
   b) Teo Hiang Hng,
   No. 45, Jalan Pretty,
   Kuala Belait.

**SERIA:**

1. LADA KERING — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kim Huat,
   No. 53, Jalan Bunga Kuning,
   Seria.
2. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan,
   Seria.
   b) Soon Kheng,
   No. 50 'B' Jalan Bunga Kuning,
   Seria.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Choo Heng & Company.
   No. 30 Jalan Sultan,
   Seria.



AHLI2 Kelab Fotografi Pusat Tingkatan Enam telah melakukan lawatan sambil belajar ka-Jabatan Perchetakan Kerajaan di-Berakas pada 9hb Oktober yang lalu. Rombongan sa-ramai 30 orang itu di-ketuai oleh Penasehat Kelab tersebut, Awang R. Merritt dan Presiden-nya Awang Haji Alaihuddin bin Haji Taha.

Dalam lawatan kira2 sa-jam sa-tengah itu, pelawat2 itu telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian jabatan itu dan telah di-beri penerangan oleh Penolong Penchetak, Awang Ali bin Haji Hassan mengenai dengan tugas2 yang di-jalankan di-jabatan tersebut.

Gambar atas kelihatan sa-bahagian dari penuntut2 itu ketika menyaksikan salah sa-buah meshen melipat Kertas. — Gambar ehsan Kelab Fotografi Pusat Tingkatan Enam.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 24hb hingga 31hb Okt. 1979.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 24.10.1979 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 24.10.1979 | Rabu | 8.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 24.10.1979 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 27.10.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 27.10.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 27.10.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 29.10.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 29.10.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 30.10.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 30.10.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 31.10.1979 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 31.10.1979 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 31.10.1979 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |




GAMBAR kiri atas sekali dan berikut-nya menunjokkan pasokan lumba basikal dari Brunei di-garisan permulaan perlumbaan dan sedang menerima penerangan manakala gambar yang satu lagi di-ambil ketika pelumba basikal Brunei sedang mengayoh basikal mereka dalam perlawanan uji masa berpasokan.

# PELUMBA BASIKAL BRUNEI AMAT MENGGALAKKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sunggoh pun pelumba basikal dari Negeri Brunei tidak mendapat sabarang pingat dalam perlumbaan basikal Asia, yang baru lalu di-Kuala Lumpur, akan tetapi seluroh perlumbaan peserta Brunei telah berjaya menghabiskan-nya dan ini amatlah menggalakkan sunggoh pun Negeri Brunei baru saja memperkenalkan perlumbaan basikal di-waktu kebelakangan ini.

Ini telah di-nyatakan oleh salah sa-orang yang menyertai rombongan pelumba basikal Brunei diperlawanan Lumba Basikal Asia Ke-9 yang baru lalu itu. Perlumbaan tersebut di-sertai oleh 14 buah negara. Kedudokan pingat: Korea Selatan mendapat 6 emas, 2 perak dan 2 gangsa; Malaysia 2 emas, 1 perak dan 2 gangsa; Thailand 1 emas, 2 perak dan 1 gangsa; Jepun 1 emas dan 1 gangsa; China 3 perak dan 2 gangsa; Indonesia 2 perak dan 1 gangsa dan Singapura 1 gangsa.

Sementara Iraq, Makau, Hongkong, Sri Lanka, Brunei dan Saudi Arabia tidak mendapat sa-barang pingat. Ada-lah juga difahamkan bahawa peserta dari Filipina tidak hadhir dalam pertandingan itu.

Menurut juruchakap itu lagi, dari perengkat awal lagi, para pelumba telah menunjokkan semangat yang lebeh tinggi dalam usaha mengatasi satu sama lain serta menunjokkan teknik masing2.

Pelumba dari Brunei, Awang Lin Yet Kiong, mempunyai harapan masa depan, kata juruchakap itu lagi. Terdahulu dari itu, pelumba Brunei terlibat dalam kekeliruan perlumbaan 100 kilometer uji masa berpasokan dan usaha mereka untok menchipta masa yang lebeh baik telah terjejas. Bagaimana pun Brunei dapat menghabiskan perlumbaan tersebut dan berjaya mendapat tempat ke-10 dari sa-ramai 14 buah negara yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Perlumbaan Basikal Asia ini di-adakan pada dua tahun sekali. Pada tahun 1981 perlumbaan tersebut akan di-langsongkan di-Thailand (Bangkok).



## Kemampuan pasokan lumba basikal Brunei di-puji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kemampuan pelumba2 basikal Brunei sekarang sunggoh mengalakan. Ini telah di-akui oleh Yang Dipertua Persatuan Lumba Basikal Brunei, Awang Azahari bin Md Ali yang telah mengepalai perwakilan kita ka-Kejohanan Lumba Basikal Sa-Asia kasembilan di-Kuala Lumpur baru2 ini.

Untok sampai ka-taraf yang di-chita2kan bagaimanapun jarak yang terpaksa kita lalui tentu-lah memerlukan sedikit masa yang mana segera dan lewat-nya terpulang-lah kapada chara pengendalian kita. Namun begitu beliau penoh yakin yang usaha bagi meningkatkan mutu pelumba2 kita yang bermula dari sekarang tidak akan menempoh kemerosotan malah akan terus meningkat.

Sekarang, kata-nya, apa yang harus di-pentingkan ia-lah kesedaran kita untok bergerak dan mengambil perhatian tentang sebarang kehendak dan keperluan2 tertentu untok menjayakannya.

Lumba basikal di-Brunei ada-lah mempunyai ramai peminat. Sa-tiap kali perlumbaan di-anjorkan tidak kurang dari 200 pelumba yang menyertai-nya. Dari jumlah yang begitu agak membanggakan peluang untok memileh pelumba2 yang benar2 berkemampuan ada-lah baik.

Bagaimanapun untok memestikan yang pelumba2 yang benar2 punya kemampuan untok di-pertarongkan itu dapat mengandingkan diri mereka dengan 'hantu2' lumba di-negara2 yang sudah lebeh dulu memahami siluk belok serta taktik2 dalam arena sokan tersebut ada-lah tidak lojik dan kurang bijak jika mereka itu tidak di-berikan kemudahan2 latehan di-samping kita terpaksa berbelanja untok mendedahkan serta memberikan mereka peluang untok banyak mencheborkan diri mereka dikejohanan luar negeri.

Menyentoh tentang pencheboran pelumba2 kita dikejohanan yang baru disertai, Awang Azahari yang juga bekas sa-orang jagoh perlumbaan di-tahun2 awal tujoh pulohan menyatakan, sunggoh-pun pelumba2 Brunei hanya mempunyai sedikit masa untok menjalani latehan, mereka telah dapat memboktikan yang mereka juga mempunyai stamina yang baik. Mereka ada-lah seimbang dengan pelumba dari negeri Singapura terutama di-dalam perlumbaan 100 kilometer leboh raya uji masa berpasokan.

"Pehak persatuan hanya mendapat tahu yang mereka telah di-undang untok menyertai kejohanan tersebut pada bulan Febuari lalu. Masa untok latehan ada-lah terlalu pendek. Ada-lah di-perchayai yang pelumba Brunei akan dapat membuat kejayaan yang lebeh baik jika mereka mempunyai masa yang agak panjang untok membuat latehan", Awang Azahari akhir-nya menegaskan.

BELIA DAN SOKAN



Pelumba2 dari negeri Jepun.



Pelumba2 dari Hong Kong.



Pelumba2 dari Sri Lanka.

## Perlawanan sepaktakraw guru-guru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Akhir tahun ini, Sekolah Rendah Melayu Pehin Dato Jamil di-Kampong Ayer di-sini akan menganjorkan satu perlawanan sepaktakraw.

Perlawanan itu akan hanya terbuka kapada guru2 Sekolah2 Menengah Atas, Bawah dan Maktab2 diseluroh negeri.

Borang2 serta keterangan lanjut mengenai perlawanan sekarang boleh di-perolehi dari Setiausaha Perlawanan Awang Ali bin Haji Ismail bertempat di-Sekolah tersebut.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 13hb depan.

## Peraduan menulis Essei Belia 18 tahun ka-bawah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kelab Rotary Brunei akan menganjorkan satu peraduan mengarang essei yang terbuka kapada belia2 di-bawah umor 18 tahun.

Ia-nya ada-lah sempena memperingati tahun kanak2 dan tajok yang telah ditentukan ia-lah "Perbelanjaan terhadap belia ada-lah pelaboran masa hadapan."

Hadiah2 yang berupa wang tunai $100, $60 dan $40 telah pun di-khaskan untok pemenang pertama, kedua dan ketiga.

Mereka yang ingin menyertai peraduan tersebut hendak-lah mengirimkan artikel2 mereka ka-alamat penganjor di-P.O. Box 17, Bandar Seri Begawn.

Mereka di-kehendaki menyatakan nama dan alamat yang terang, sekolah dan tingkatan dan nombor talipon jika ada.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 31hb Oktober.

## Battalion pertama gondol kejuaraan ragbi pasokan

BERAKAS — Pasokan dari Battalion Pertama telah munchul menjadi johan dan naib johan dalam perlawanan ragbi tujoh orang sa-pasokan yang telah di-adakan di-Padang Ragbi Perkhemahan Berakas di-sini, minggu lalu.

Sa-banyak 30 buah pasokan dari lapan unit Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Tempat ketiga telah di-menangi oleh Pasokan Skuadron Kereta Perisai Battalion Kedua dari Perkhemahan di-Tutong.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh pasokan tersebut telah di-langsongkan sa-panjang hari dan di-jalankan sechara pukol mati.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Pemerintah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF DIESEL INJECTOR PUMP TESTER FOR FORCE WORKSHOP, BOLKIAH CAMP**

1. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' Contractors up to 12.00 noon, 20th November 1979 (Tuesday).

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF DIESEL INJECTOR PUMP TESTER FOR FORCE WORKSHOP, BOLKIAH CAMP".

4. Tender documents may be obtained from the office of M/s. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hong-Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' Office.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## P.W.D TENDER NOTICES

### No. 163 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th October, 1979 for:—

RE-ROOFING WITH ASBESTOS, REPAIR AND REPAINTING TO CLASS "C" PWD No. 1665 AT AGRICULTURAL STATION KILANAS, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 164 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th October, 1979 for:—

DIVERSION OF FLOWS INTO NEW SEWAGE TREATMENT WORKS, SIXTH FORM CENTRE, JALAN GADONG, BRUNEI.

**NOTE: Site inspection commencing at 0900 hrs at the site near new sewage treatment works, Sixth Form Centre, Jalan Gadong on the 26th October, 1979.**

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 165 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th October, 1979 for:—

RE-ROOFING AND FULL RE-DECORATION TO RESIDENCE BUILDING No. PWD 500, JALAN BERAKAS BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 166 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th November, 1979 for:—

CONSTRUCTION OF PHASE IV 5 BLOCKS CLASS "F" JUNIOR FLATS Nos. 21-25 OFF OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 167 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th November, 1979 for:— .

SANDING AND POLISHING OF FLOORS OF GOVERNMENT QUARTERS FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Supply to Civil Aviation of Fire Brigade uniforms — Zulkader & Co — $24,852.

2. Supply of vehicles to Postal Department:

   2 vans — NBT Ltd — $13,235 each.

   3 station wagons: Boustead Trading — $9,411 each 2 units
   NBT Ltd — $10,231 — one unit

3. Construction of main sewer for 26 units barracks etc and provision of waterborne sanitation to 26 units barracks, KB — Liew Then Kui Contractor — $488,450.60 — 24 weeks.

4. Compressed air installation for proposed workshop extension at Flotilla Base — Liang Heng Ltd — $130,800 — 5 months.

5. Supply and installation of condenser coils for existing units, Telephone Exchange, Mumong — Capital Air Cond & Eng Co — $61,230.

6. Supply, installation and preventive maintenance of split type room units in Brunei Government buildings — Capital Air Con & Eng Co.

## TENDER NOTICE

**TECHNICAL/VOCATIONAL EDUCATION**

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan for enrolment in a part-time Clerical Course (Elementary Stage) at Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara, Brunei.

Duration of Course:
2 years part-time

Attendance: 1 day per week

Subjects studied:
Typewriting,
Office Practice,
English Language.

**Entrance Requirements:**

Applicants must have completed Form 5, or have some suitable clerical experience and reasonably fluency in English.

Selection of students will be by means of a test and interview.

Application forms are obtainable from the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara, P. O. Box 914, Bandar Seri Begawan, Brunei, from the Principals of Secondary Schools or from the Education Department Head Office, Brunei.

All applications must be submitted to the Principal Pusat Latehan Teknikal Brunei, P.O. Box 914, Bandar Seri Begawan, Brunei, by Monday October, 29th.

NOTE 1. This course is intended for beginners with limited experience at work.

NOTE 2. Applicants who were not accept for the previous course need not re-apply. Their applications will automatically be considered for this course.

## TENDER NOTICE

**TECHNICAL/VOCATIONAL EDUCATION**

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan for enrolment in a full-time course at the Jefri Bolkiah School of Engineering which will commence in January, 1980.

**City and Guilds Course No. 824 Radio, Television and Electronics Servicing Part I**

**Entrance Qualifications —**

A good pass in Science, Mathematics, Engilsh and Malay Language in the Brunei Junior Certificate of Education examination.

**Duration of Course —**

18 months full-time.

NOTE: The training will include periods of employment in industry to enable students to obtain work experience.

Students who are successful in Part I will be eligible for entry to Part II of the course. Application forms are obtainable from Education Department Head Office, the Principals of Technical Schools or the Principals of Secondary Schools.

Applications must be submitted to the Principal, Jefri Bolkiah School of Engineering, P.O. Box 63, Kuala Belait by Wednesday October 31st, 1979.

## WAKIL POS

PERMOHONAN ada-lah di-pelawa untok menjadi Wakil Pos bagi kawasan berikut:

1. Lumapas
2. Limau Manis
3. Sengkurong (Batu 10)
4. Kampong Kasat
5. Kampong Batu Marang
6. Berakas (Batu 6)
7. Gadong (Batu 2½)
8. Delima 1 (Batu 5 Jalan Simpang Muara)
9. Seri Complex (Batu 1 Jalan Tutong)
10. Kampong Peramu
11. Kampong Ujong Kelinik
12. Kampong Lurong Dalam/Burong Pingai Ayer
13. Batu 18 Jalan Tutong
14. Kampong Rambai
15. Sungai Liang
16. Bukit Sawat
17. Kampong Baru, Seria.

2. Keterangan yang lanjut terhadap sharat2 Wakil Pos boleh di-dapati daripada Pengawal Pos Brunei.

3. Sa-orang Wakil Pos akan di-bayar alaon menurut keadaan kawasan dan tugas2 pos yang di-kendalikan.

4. Permohonan sa-chara bertulis hendak-lah di-hantar dan di-alamatkan kapada Ketua Pos Agong, Brunei tidak lewat daripada 10hb Nobember, 1979.

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF FERTILISERS

TENDERS are invited for the supply of the following items to Jerudong Park, for the year commencing on 1st February 1980.

| | |
|---|---|
| NPK | 9600 Bags |
| UREA | 4800 Bags |
| LIME | 10600 Bags |
| CIRP | 2800 Bags |

The items are to be supplied in polywoven bags of 50 kg. each on a monthly basis throughout the year. Further details may be obtained from the Administrative Officer Jerudong Park. Tenders should be submitted under sealed plain cover marked "Jerudong Park — Fertilisers — Confidential" to the Secretary Brunei State Tenders Board not later than noon on Monday 12th November 1979.

The Government does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

## J.K.R.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. KB 19/1979

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontrektor kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 6hb Nobember, 1979 bagi:—

MENGADAKAN PERABOT KAYU SELANGAN BATU KELAS I, II, III UNTOK BANGUNAN BARU BAGI RUMAH KERAJAAN DAERAH BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 19/1979

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th November, 1979 for:—

THE SUPPLY OF CLASS I, II AND III SELANGAN BATU FURNITURE FOR NEW QUARTERS BELAIT DISTRICT.

Tender documents and all particular may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

## TENDER NOTICE

**PROPOSED PIPE BAND BLOCK FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT TUTONG, BRUNEI**

1. Tenders will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from registered Public Works Department Contractor Class 'A' for the above mentioned works up to 12.00 noon, 13th November 1979 (Tuesday).

2. Tender documents consisting of Bills of Quantities and ⅛" scale working drawings can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

All other detailed drawings are displaced and can be examined at the said office.

3. The tender deposit will be Brunei $1,000.00 in the form of a cheque and refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and on return of deposit receipt, tender documents and drawings on or before the closing date, but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect's Office before the closing date.

4. Prior to the issue of the tender documents, each tenderer will be required to produce the original of the following:—

i) Documentary evidence that he is PWD registered class 'A' contractor;

ii) Documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of Financial Guarantee and;

iii) A letter from his Banker stating that in the event of his tender being accepted, the said Bankers will furnish him with a Banker's Guarantee (in the sum of approximately B$160,000-00 in accordance with the Condition of Contract.

5. Tenders must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 13th November 1979 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

6. Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR THE PROPOSED PIPE BAND BLOCK FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT, CAMP AT TUTONG, BRUNEI".

7. Our Client, the Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF WOODWORKING MACHINES FOR FORCE WORKSHOP, BOLKIAH CAMP**

1. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' Contractors up to 12.00 noon, 20th November 1979 (Tuesday).

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF WOODWORKING MACHINES FOR FORCE WORKSHOP, BOLKIAH CAMP".

4. Tender documents may be obtained from the office of M/s. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hong-Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' Office.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**PROPOSED WORKSHOP AT THE MARINE POLICE BASE, MUARA**

1 TENDER will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from PWD registered Class 'A' contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on 6th November, 1979.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3 Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE CONSTRUCTION OF A WORKSHOP AT THE MARINE POLICE BASE, MUARA".

4 Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of Ho Kwang Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan from 17th October 1979 during normal office hours.

5 The Tender Deposit will be $1,000.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6 Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to:—

(1) produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class 'A' contractor;

(2) produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of Financial Guarantee;

(3) produce a letter from his bank (said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of (approximately $100,-000.00) in accordance with the Conditions of Contract.

7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

8 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di-bahagian Sekolah2 Teknikal dan Lateh-Kerja, Jabatan Pelajaran

PERMOHONAN ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Sekolah2 Teknikal dan Lateh-Kerja, Jabatan Pelajaran.

1. PENGAJAR TEKNIKAL DAN PENOLONG PENGAJAR TEKNIKAL:

Dalam bidang yang berikut:—

a) Plumbing and Pipefitting
b) Painting and Decorating
c) Welding and Vehicle Body Repair
d) Electrical Installation
e) Catering (Food and Beverage Service)
f) Refrigeration and Air-Conditioning
g) Fitting and Machining
h) Radio and Television Servicing.

PENGAJAR TEKNIKAL

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Hendak-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Full Technological Certificate atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau pengalaman mengajar sa-lama 10 tahun. Keutamaan akan di-berikan kapada chalon2 yang mempunyai sijil2 guru terlateh.

**Umor:**

30 hingga 50 tahun.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji T. 8 — B$931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135 - 1173 - 1211 - 1250 - 1301-1352/EB/1403-1454-1505-1556-1607 - 1658 - 1709 - 1760 - 1811-1862.

ATAU

Dalam sukatan gaji T. 9 — B$1135-1173-1211-1250 - 1301 - 1352-1403 - 1454 - 1505 - 1556 - 1607-1670-1709/EB/1760-1811-1862-1913 - 1964 - 2015 - 2091 - 2142-2193-2219.

PENOLONG PENGAJAR TEKNIKAL

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Hendak-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Advanced Craft Certificate atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau pengalaman mengajar sa-lama 5 tahun.

**Umor:**

25 hingga 50 tahun.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji T. 7 — B $746-778-810-880 - 905 - 931 - 956-982-1007-1033-1071- 1097 - 1135/EB/1173-1211-1250-1301-1352-1377 - 1403 - 1428 - 1454 - 1479.

2. GURU2:

a) Trengkas, Menaip dan Peratoran Pejabat.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Sijil guru trengkas, menaip dan peratoran pejabat atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman mengajar atau perdagangan sekurang2-nya sa-lama 5 tahun.

**Umor:**

30 hingga 50 tahun.

b) Bahasa Inggeris Teknikal

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai Ijazah daripada sa-sebuah universiti yang di-iktiraf atau, jika bukan -sa-orang siswa, mempunyai sijil guru terlateh. Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman mengajar Bahasa Inggeris Teknikal atau Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua dalam sa-sabuah maktab teknikal. Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang boleh bertutor dalam Bahasa Melayu.

**Umor:**

30 hingga 50 tahun.

**Tangga Gaji:**

a) **Guru2 Terlateh Tidak Berijazah:—**

Dalam sukatan gaji T7 — B$746-778-810-880-905 - 931 - 956-982 - 1007 - 1033-1071-1097-1135 /EB/ 1173-1211-1250-1301-1352-1377-1403-1428-1454-1479.

b) **Guru2 Terlateh Berijazah (Ijazah Am):—**

Dalam sukatan gaji T8 — B$931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135-1173-1211-1250-1301-1352 /EB/ 1403-1454-1505-1556-1607-1658-1709-1760-1181-1862.

c) **Guru2 Terlateh Berijazah (Ijazah Kepujian):—**

Dalam sukatan gaji T9 — B$1135-1173-1211-1250-1301-1352-1403-1454-1505-1556-1607-1670- 1709 /EB/1760-1811-1862-1913-1964-2015-2091-2142-2193-2219.

d) **Pegawai Pelajaran —**

Ijazah Honours serta kelulusan iktisas postgraduate (Diploma atau Sijil) dan 5 tahun pengalaman.

Dalam sukatan gaji B. 2 EB. 3 — B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027-2104-2180-2257-233-2410 - 2486-2563-2639-2716/E B/ 2792-2869-2945-3022.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Nobember, 1979.

(E/1284/78—Bil: 152/1979)

---


## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

PEMBORONG2 yang berpengalaman memasang saloran2 paip di-pelawa memohon surat2 tender bagi memasang dua batang saloran paip. Kerja memasang ini di-jadual hendak di-mulakan dalam bulan Januari 1980.

1. **TAWARAN No. 046/79/EPS — BI 9407 SALORAN GAS BERTEKANAN TINGGI 8" BESAR-NYA BAGI KUALA BELAIT/SERIA**

Panjang-nya saloran paip: 60,000 kaki

Bahan: Saloran jenis berbalut Polyethylene API 5L gred X42 dan tebal dinding-nya 0.375 inchi.

Saloran paip itu akan di-rentangkan melalui kawasan rata di-bandar dan di-tanam.

2. **TAWARAN No. 047/79/EPS — BI 9472 SALORAN PAIP MEMBEKALKAN GAS KA-GADONG**

Panjang-nya saloran paip: 36,600 kaki

Bahan: Saloran jenis berbalut Polyethylene API 5L gred X52 dan tebal dinding-nya 0.403 inchi.

Saloran paip itu akan di-rentangkan melalui kawasan hutan berbukit dan di-tanam.

Tender ini berkehendakan orang2 yang menawar-nya memberikan butir2 kerja sa-umpama itu yang telah mereka laksanakan, pengalaman yang mana akan melayakan mereka untok di-berikan pertimbangan bagi Kontrek(2) tersebut di-atas.

Tarikh tutop mengirimkan tender ia-lah pada 27hb Nobember 1979 jam 4.00 petang.

Bagi maklumat lebeh lanjut berhubong-lah dengan:—

Head, Project Engineering — Onshore (EPS)
B.S.P. Co. Limited,
SERIA, STATE OF BRUNEI.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

CONTRACTORS having pipeline construction experience are invited to apply for tender documents for the construction of two pipelines, scheduled to commence construction January 1980.

1. **TENDER No. 046/79/EPS — BI 9470 KUALA BELAIT/SERIA 8" HP GASLINE**

Length of pipeline: 60,000 ft.

Material: Polyethylene coated API 5L grade X42 linepipe wall thickness 0.375 inch.

The pipeline will run through a flat urban area and will be buried.

2. **TENDER No. 047/19/EPS — BI 9472 GADONG GAS SUPPLY PIPELINE**

Length of pipeline: 36,600 ft.

Material: Polyethylene coated API 5L grade X52 linepipe wall thickness 0.403 inches

The pipeline will run through a hilly jungle area and will be buried.

The tender will require the tenderers to submit details of such similar works which have been constructed by them, the experience from which would qualify them to be considered for the above Contract(s).

The closing date for submission of the tender will be 27th November, 1979 at 4.00 p.m.

For further information please refer to:

Head, Project Engineering — Onshore (EPS)
B.S.P. Co. Limited,
Seria,
State of Brunei.


## Sa-bagai Pemandu Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 hingga 40 tahun. Mereka mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402 - 408/EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Nobember, 1979.

(E/990/74 — Bil: 157/1979)

---

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF LUCERNE HAY

TENDERS are invited for the supply of Lucerne Hay to Jerudong Park for the year 1st January to 31 December 1980. The quantites required are approximately 600 bales of 25 kg. each per month and must meet the following specification:—

1. The hay must consist of at least 98% pure Lucerne of Hunter River or like strain.
2. The hay must be free of all noxious plants and plants constituting a hazard or nuisance to horses.
3. The lucerne used for the hay should be from the second or later cut of the season and cut at not later than the early bloom stage.
4. The lucerne used for the hay shall have been grown on land which is sound in mineral constituents.
5. The hay shall present the full leaf unshattered upon opening the bales.
6. The hay shall be preferrably made with a crimper or conditioner and shall have been sun cured to a moisture content of 12% or less.
7. The hay shall have a definite green colour throughout.
8. The hay shall not show any grass mould growth and shall have a pleasant odour consistent with sound hay practice.
9. The hay shall be presented in bales weighing approximately 20 kgs.

The tenders must also guarantee to hold one month's stock in reserve at a local warehouse and one month's supply in transit to Brunei at all times.

Further details may be obtained from the Administrative Officer, Jerudong Park. Tenders should be submitted under sealed plain cover marked "Jerudong Park — Lucerne Hay — Confidential" to the Secretary Brunei State Tenders Board not later than noon on Monday 12th November 1979.

The Government does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

---

## PERMOHONAN MEMASOKI SEKOLAH MENENGAH INGGERIS KERAJAAN BRUNEI BAGI TAHUN 1980

SUKACHITA di-ma'alumkan bahawa Jabatan Pelajaran Brunei mempelawa permohonan2 untok di-pertimbangkan memasoki Sekolah Menengah Inggeris Kerajaan Brunei bagi tahun, 1980, jika ada kekosongan di-darjah2 yang di-pohonkan dengan sharat sa-orang pemohon mesti-lah:—

(1) Telah belajar di-Sekolah Aliran Inggeris sekurang2-nya sejak Primary IV atau telah genap 3 tahun ia belajar di-Sekolah2 Private bagi melayakkan diri untok masok ka-Sekolah2 Menengah Inggeris Kerajaan.

(2) Mempunyai kemajuan pelajaran yang baik sa-chara 'am-nya dan mempunyai kelulusan perengkat persekolahan yang berkenaan.

(3) Dan tidak mengulang pada sebarang tingkatan yang di-pohonkan.

**Bayaran Sekolah**

Permohonan yang berjaya terdiri daripada:—

(1) Raayat Brunei tidak di-kenakan bayaran Sekolah.

(2) Bukan raayat di-kenakan bayaran tiap2 bulan dan juga bayaran pepereksaan (akan di-ma'alumkan kelak).

**Permohonan di-buka dan di-tutop**

(1) **Bagi Tingkatan I**

Mesti lulus P.C.E. (Sijil Pelajaran Rendah).

(a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan P.C.E.

(b) Permohonan di-tutop sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan pepereksaan P.C.E. di-umomkan.

(2) **Bagi Tingkatan II, III dan V**

Mesti lulus pepereksaan sekolah di-Tingkatan I atau II atau IV masing2 dan bagi permohonan masok ka-Tingkatan V mesti-lah juga mempunyai kelulusan Brunei Junior Certificate of Education atau yang sebanding atau mengikut sharat2 naik ka-Tingkatan V yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran.

(a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan pepereksaan sekolah.

(b) Perhomonan di-tutop pada 18hb Disember, 1979.

(3) **Bagi Tingkatan IV**

Mesti lulus Brunei Junior Certificate of Education atau yang sebanding atau mengikut sharat2 naik ka-Tingkatan IV yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

(a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan Pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education 1979 (Sijil Rendah Pelajaran Brunei 1979).

(b) Permohonan di-tutop sa-lepas dua minggu dari tarikh Keputusan Pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education 1979 (Sijil Rendah Pelajaran Brunei) di-umomkan.

(4) **Bagi Tingkatan VI Bawah**

Mesti lulus Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level (Sijil Persekolahan Cambridge) mengikut sharat2 kelulusan Akademik bagi naik ka-Tingkatan VI yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

(a) Permohonan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan Pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level (Sijil Persekolahan Cambridge) 1979 di-umomkan.

(b) Permohonan di-tutop sa-lepas dua minggu dari tarikh Keputusan Pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level (Sijil Persekolahan Cambridge) 1979 di-umomkan.

**Borang Permohonan**

(1) Peminat2 yang dapat memenohi sharat2 sahaja yang di-benarkan menghadapkan permohonan.

(2) Borang permohonan boleh di-dapati daripada:—

(a) Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan,
Pejabat Pelajaran,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

atau

(b) Penyelia Sekolah2 Daerah Belait,
Pejabat Pelajaran,
Kuala Belait

atau

(c) Penyelia Sekolah2 Daerah Tutong,
Pejabat Pelajaran Tutong,
Tutong

atau

(d) Penyelia Sekolah2 Daerah Temburong,
Pejabat Pelajaran Bangar,
Temburong.

(3) Borang permohonan yang telah sempurna di-isikan hendak-lah sampai tidak lewat dari tarikh tutop yang di-tetapkan di-atas kapada:—

Setiausaha Jawatankuasa Dermasiswa,
Pejabat Pelajaran,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

---

## Sa-bagai Pembantu Pertanian Rendah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Pertanian Rendah di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengan-nya, atau pun mempunyai Sijil Pertanian daripada yayasan pertanian yang di-iktiraf. Mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-456-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Nobember, 1979.

## Persiapan2 sambutan tahun Hijrah

Dari muka 1

Di-samping drama, Talivishen Brunei juga akan menerbitkan lagu2 nashid dan da'awah termasok persembahan dari kumpolan Nashid Nurrusa'adah dari Singapura, ranchangan Majalah Brunei mengenai Hijrah dan Perkembangan Islam di-Brunei.

Sa-banyak lima buah filem 'traditional World of Islam' serta empat buah ranchangan Hidayat dan bachaan2 Al-Kor'an serta makna-nya pada sa-tiap malam akan juga mengisi ranchangan sambutan tersebut dari Radio Talivishen Brunei.

Di-samping itu Radio Brunei Bahagian Melayu juga akan turut menyediakan beberapa buah ranchangan termasok drama radio mengenai Hijrah dan drama serta beberapa ranchangan yang di-terbitkan oleh Talivishen Brunei.

Ada-lah di-fahamkan Radio Talivishen Brunei akan membuat siaran terus menerus bagi pembukaan rasmi Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-Brunei dari Dewan Bandaran pada jam 9.00 hingga 10.00 pagi 21hb Nobember.



GAMBAR atas kelihatan kakitangan2 Jabatan Muzium, sedang membuat dan menyusun persediaan2 pameran bagi memperingati 1400 Hijrah, yang akan di-mulakan pada 21hb Nobember, 1979 depan. Antara perkara2 yang akan di-pamerkan itu termasok-lah: Sejarah kedatangan Islam ka-Brunei, Kesan dan Kebudayaan berchorak Islam di-Brunei, Islam dalam pentadbiran negara, Al-Kor'an dan kitab2 Ugama dan Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-bagai Pusat Pentadbiran-nya.

## Kursus dan Seminar berakhir

Dari muka 1

chabaran untok kemajuan, pembangunan dan kemakmoran.

Bagaimana pun Yang Berhormat itu menyangkal, jika sebalek-nya tenaga kita di-arahkan ka-saloran2 yang tidak wajar ia-nya boleh melambatkan kemajuan negara untok menchapai taraf yang lebeh baik.

Oleh yang demikian ujar Yang Berhormat itu, sa-tiap kita masharakat Brunei mesti-lah berusaha sa-daya upaya untok bekerja dengan jujor dan setia ka-arah menuju pembangunan, keamanan dan kemajuan negara.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar berharap, supaya kursus dan seminar itu bukan saja dapat memberikan latar belakang falsafah kehidupan, tetapi pengetahuan tentang kerja2 sosial.

Persediaan2 kerja sosial tambah Yang Berhormat itu, amalan-nya telah pun wujud pada masa yang silam mana semua pekerjaan hanya di-tumpukan kapada galakan2 yang di-wajibkan kapada alim ulama, kadhi atau para suami dalam masa yang panjang sa-belum ia di-amalkan sendiri.

Akan tetapi kata-nya, saperti dalam pelajaran biasa, kerja sosial mempunyai pelajaran tertentu yang mengandongi beberapa kursus dan kuliah serta peluang2 untok bekerja ada-lah satu pembangunan yang baru dan nyata.

"Tetapi sekarang orang2 yang berpengalaman dan terlateh di kehendaki memberi sumbangan dalam kerja2 sosial supaya sa-tiap orang, keluarga atau masharakat boleh di-biasakan dan di-salorkan ka-arah berdikari, dan ini hanya akan berkesan apabila kebudayaan serta harga maruah dapat di-ketengahkan", tambah Yang Berhormat itu.

Kursus dan Seminar sa-lama sa-bulan itu di-hadhiri oleh 60 orang peserta yang terdiri dari Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pemimpin2 persatuan belia dan pertubohan kebajikan.

Di-samping mengikuti kursus dan seminar para peserta telah juga berkesempatan melawat ka-beberapa tempat yang berkaitan dengan kursus mereka termasok Pusat Latehan Pekerjaan Kebajikan dan rumah orang2 buta.

Penyampaian sijil telah di-lakukan oleh Dr Puan A.C. Almanzor, Penasehat Sa-Rantau UNDP yang mengendalikan kursus tersebut di-satu majlis penutop pada malam itu.

## Kejohanan Badminton Sa-Negeri pada 15hb Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan badminton sa-negeri anjoran Persatuan Badminton Kebangsaan Negeri Brunei akan di-langsongkan di-Pusat Belia mulai 15hb Nobember ini.

Perlawanan itu ada-lah salah satu achara bagi menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan yang ke-33 tahun.

Sa-banyak tujoh jenis perlawanan akan di-adakan ia-itu kejohanan2 perseorangan lelaki dan wanita terbuka, kejohanan bergu lelaki dan wanita terbuka, kejohanan bergu veteran lelaki terbuka dan kejohanan berpasokan yang terdiri dari 3 perseorangan dan dua bergu.

Perseorangan lelaki dan wanita terbuka ada-lah bagi raayat Brunei atau mereka yang tinggal di-Brunei tidak kurang enam bulan dengan bayaran memasoki perlawanan sa-banyak $5.00.

Sharat2 yang sama juga di-kenakan bagi lain2 bahagian perlawanan, tetapi bayaran bagi memasoki perlawanan bergu lelaki dan wanita serta bergu veteran ada-lah $10.00.

Bagi kejohanan perseorangan lelaki veteran hendak-lah yang berumor 40 tahun ka-atas dan bayaran memasoki perlawanan ia-lah $5.00.

Sementara perlawanan bagi berpasokan hendak-lah tidak kurang dari 5 orang pemain yang terbuka kapada persatuan2 Belia dan Badan2 Kebajikan, Jabatan2 Kerajaan, Kelab2, Sekolah2 Menengah dan Maktab2 serta Sharikat2 Perdagangan dan Swasta.

Bayaran bagi memasoki perlawanan ini ia-lah sa-banyak $20.00 bagi yang sudah berdaftar dengan Persatuan Badminton Kebangsaan Negeri Brunei, manakala bagi yang belum berdaftar di-kenakan bayaran masok perlawanan sa-banyak $25.00 dan bayaran mendaftar menjadi ahli persatuan itu sa-banyak $25.00 juga.

Borang2 untok memasoki perlawanan2 itu boleh di-dapati dari Awang Ismail bin Apong Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan di-Kuala Belait.

Peserta2 dari Tutong boleh mendapatkan borang dari Awg Ariff bin Haji Bolhassan di-Pejabat Pertanian Tutong dan dari Temburong borang2 boleh di-dapati dari Che'gu Ibrahim bin Abdullah dari Jabatan Pelajaran daerah itu.

Bagi pemain2 di-sekitar Daerah Brunei dan Muara, borang2 boleh di-dapati dari Pengiran Omar bin Pg Besar di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan; Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman, Jabatan Bandaran Brunei; Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

## Pegawai2 JKR hadhiri cheramah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 60 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya telah menghadhiri satu siri cheramah yang di-adakan di-Bilek Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-sini pada hari Khamis lalu.

Cheramah yang membinchangkan mengenai "Penstabilan Tanah" telah di-sampaikan oleh Dr Ting Wen Hin ia-itu sa-orang Perunding Kanan di-Boltan Hennessey Sendirian Berhad.

Dr Ting dalam cheramah-nya itu menekankan penstabilan tanah bermakna memajukan tanah dalam semua bidang untok kegunaan pembangunan.

Dalam cheramah-nya itu beliau lebeh menumpukan kapada soal2 penstabilan untok projek2 jalanraya dan lapangan2 terbang. Menurutnya ada dua chara penstabilan tanah yang biasa-nya di-gunakan di-kawasan sa-belah sini ia-itu menstabilkan melalui penggunaan alat2 jentera dan dengan menggunakan bahan2 kamia.

Beliau seterus-ya menerangkan mengenai dengan pelaksanaan pengolahan dan champoran2 yang perlu bagi yang bakal di-gunakan untok jalanraya2 dan lapangan terbang samada yang berupa champoran batu, pasir dan simen mahu pun yang menggunakan aspal.

Cheramah beliau itu telah menarek perhatian hadhirian dan beberapa orang peserta telah mengemukakan beberapa pertanyaan yang berkaitan dengan cheramah beliau itu.

Turut hadhir di-majlis cheramah tersebut termasok-lah Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit.

## Awasi orang2 yang menyamar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Talikom telah memberi amaran kapada orang ramai supaya berhati2 terhadap orang2 yang menyamar selaku pekerja2 jabatan tersebut dan meminta wang samada untok membaiki atau pemasangan talipon.

Dalam sa-buah kenyataan yang di-keluarkan pada minggu lalu berikutan aduan2 oleh orang ramai bahawa beberapa pembayaran tidak di chatetkan.

Pengarah Talikom berkata semua pekerja talikom mempunyai kad pengenalan yang mempunyai gambar wajah dan nama pekerja yang berkenaan.

Kata-nya orang ramai hendak-lah meminta sa-siapa yang mendakwa sa-bagai pekerja jabatan itu supaya menunjokkan pas pengenalan-nya.

Beliau menambah tidak ada pembayaran yang harus di-buat kechuali kapada tukang wang di-pejabat besar Jabatan itu, dan satu resit rasmi hendak-lah di-dapatkan bagi sa-barang pembayaran.

## Pegawai2 yang naik pangkat

Dari muka 1

Awang Jaafar bin Abdul Latif, Pegawai Imigeresen di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Imigeresen Kanan dan Dayang Hajjah Zainah binte Haji Salleh, Juruhebah/Pembacha Berita RTB, di-naikkan pangkat sa-bagai Pengelola Ranchangan Bahagian Inggeris. Kenaikan pangkat bagi kedua2 pegawai itu bermula 1hb September, 1979.

Sementara itu, Jabatan Perjawatan juga telah mengumomkan pertukaran jawatan bagi 12 orang juruteknik di-Jabatan Radio Talivishen Brunei.

Pembantu2 Teknik Tingkatan I Awang Tan Kai Hian, Awang Chong See Kui, Awang Bernard Newn dan Awg Sharbini bin Abu Bakar di-tukar jawatan-nya sa-bagai Juruteknik Pemeliharaan Kanan.

Pembantu2 Teknik Tingkat II Awang Abdullah bin Mustapha, Pg Tajuddin bin Pg Hj Hassan, Awang Haji Junaidi bin Haji Osman dan Ak Salleh bin Pg Haji Manggong, di-tukar jawatan mereka sa-bagai Penolong Operesen.

Pembantu2 Teknik Tingkat II Awang Jani bin Awang Ali Awang Leong Kim Yui, Awang Hassan bin Haji Jeruddin dan Awang Abdul Hamid bin Radin di-tukar jawatan mereka sa-bagai Penolong Juruteknik Pemeliharaan.

Awang Adnan bin Haji Hassan, Pengelola Ranchangan Bahagian Inggeris pula di-tukar jawatan-nya sa-bagai Penolong Peranchang di-jabatan yang sama.

Pertukaran jawatan bagi pegawai2 itu bermula pada 1hb September, 1979.

## Penyampaian sijil dan talipinggang judo

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pg Haji Rajid yang juga selaku Presiden Persatuan Amator Judo dan Karate akan menyampaikan talipinggang Judo dan sijil kapada 37 orang anggota pulis yang menyertai kursus ulangkaji. Penyampaian talipinggang dan sijil itu akan di-adakan pada petang esok di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara.

Sa-takat ini lebeh dari 2,000 talipinggang judo telah pun di-berikan kapada anggota pulis Diraja Brunei. Ini termasok beberapa talipinggang hitam dan chokelat.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.